



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA

Perutusan daripada Dewan Rakyat [Ruangan 2177]

URUSAN MESYUARAT [Ruangan 2177]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2178]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Bank (Pindaan) [Ruangan 2203]

Rang Undang-undang Pencen (Pindaan) [Ruangan 2230]

Yang Berhormat TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).

- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ TUAN M. MAHALINGAM (Dilantik).
- „ DATIN HAJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN MOHAMAD (Trengganu).
- „ TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., S.M.P., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, A.M.N., J.P., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Sabah).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ PUAN HAJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ TUAN V. S. M. VELLAYAPPA, S.D.K., A.M.N., J.P. (Kedah).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIAN TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Pemangku Setiausaha Dewan Negara: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 10hb Januari, 1978

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

PENGUMUMAN YANG
DI-PERTUAPERUTUSAN DARIPADA DEWAN
RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rancangan Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut. Saya jemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

“Bangunan Parlimen,
Kuala Lumpur.
9hb Januari, 1978.

Tuan Yang di-Pertua,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rancangan Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya :

- (1) Rancangan Undang-undang Bank (Pindaan).
- (2) Rancangan Undang-undang Pencen (Pindaan).
- (3) Rancangan Undang-undang Kilang dan Jentera (Pindaan); dan
- (4) Rancangan Undang-undang Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas).

*Tandatangan:
Yang di-Pertua Dewan Rakyat.”*

URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Haji Othman bin Haji Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon membentangkan supaya

Rancangan Undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan yang ketiga di mesyuarat ini. Rancangan Undang-undang itu adalah seperti di bawah ini :

- (1) Rancangan Undang-undang Bank (Pindaan).
- (2) Rancangan Undang-undang Pencen (Pindaan).
- (3) Rancangan Undang-undang Kilang dan Jentera (Pindaan); dan
- (4) Rancangan Undang-undang Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas).

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAANLAWATAN PERDANA MENTERI KE
JEPUN/AMERIKA SYARIKAT

1. Tuan Chua Ching Cheng minta Perdana Menteri menyatakan apakah hasil yang telah dicapai oleh negara kita bersabit dengan lawatan rasmi beliau ke Negeri Jepun dan Amerika Syarikat baru-baru ini.

Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Onn): Tuan Yang di-Pertua, saya telah membuat lawatan rasmi ke Jepun dan Amerika Syarikat pada penghujung tahun yang lalu. Saya rasa kedua-dua lawatan rasmi itu telah beroleh kejayaan serta membawa menafaat kepada Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, saya telahpun memberi penjelasan dengan panjang lebar mengenai hasil lawatan saya ke Jepun/Amerika Syarikat beberapa ketika yang lalu walaupun tidak di dalam Dewan yang mulia ini. Keterangan saya itu telah diumumkan juga melalui saluran-saluran sebaran dan saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat semua telah membaca dan mendengarnya.

Oleh yang demikian, jika Ahli-ahli Yang Berhormat mengizinkan, saya rasa tidak perlulah saya mengulang butir-butir mengenai lawatan saya itu.

Walau bagaimanapun, saya suka memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian tentang perkembangan terbaharu setelah keterangan yang akhir yang telah saya berikan mengenai lawatan saya itu.

Pertama, untuk memformalisasikan perkara pinjaman \$200 juta dari Jepun di bawah kredit yen yang keempat. Satu exchange of note akan ditandatangani oleh Ketua Setiausaha Negara dan Duta Besar Jepun di Malaysia pada hari Isnin 16hb Januari, 1978 yang akan datang ini. Exchange of note ini akan mengesahkan pinjaman \$200 juta untuk membiayai projek-projek Rancangan Malaysia Ketiga seperti berikut:

1. Projek station Janakuasa Pasir Gudang.
2. Projek letrik hydro Tenun Bangi Sabah.
3. Diversion Tunnel bagi projek letrik hydro di Trengganu.
4. Projek lebuh raya Kuala Kerai/Gua Musang.
5. Projek pelaburan Bintulu/Sarawak.

Kedua, satu kumpulan pegawai-pegawai Malaysia adalah dijadualkan akan ke Jepun pada bulan April yang akan datang untuk membincangkan projek-projek yang akan di biayai dengan kredit yen yang kelima sebanyak \$200 juta juga.

AHLI DEWAN NEGARA (KELANTAN)

2. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub minta Perdana Menteri menerangkan setelah berlakunya kuatkuasa Undang-undang Darurat di Kelantan, kuasa-kuasa Dewan Undangan Negeri telah digantung, maka bagaimanakah cara-cara kekosongan seorang Ahli Dewan Negara yang mewakili Dewan Undangan Negeri Kelantan itu hendak dipenuhi.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini memang ada kekosongan seorang Ahli Dewan ini yang dipilih oleh Negeri Kelantan. Kekosongan itu ialah semenjak 22hb Ogos, 1977 dan belum lagi diisi. Kekosongan itu hendaklah diisi menurut peraturan yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Seksyen 1 Sub-seksyen 2 dalam Jadual Ketujuh Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Dewan

Undangan Negeri hendaklah memilihnya. Dengan berkuatkuasanya Undang-undang Darurat di negeri Kelantan pada masa ini, Dewan Undangan Negeri tidak dapat berbuat demikian. Raja atau Pengarah Kerajaan tidak ada kuasa memilihnya kerana Perlembagaan Persekutuan iaitu Jadual Ketujuh Seksyen (1) sub-seksyen (2) adalah terang makna dan maksudnya. Hanya Dewan Undangan Negeri sahaja yang berkuasa memilih Ahli-ahli Dewan Negara. Ini adalah nasihat dan pandangan yang diberi kepada saya oleh Pejabat Peguam Negara. Jika sekiranya Dewan Undangan Negeri Kelantan ada kuasa membuat pemilihan itu ia tidak boleh bersidang dan mengambil keputusan oleh kerana Tuan Speakernya sudah meletakkan jawatannya. Fasal 45 pecahan (1) Perlembagaan Negeri Kelantan menegah menjalankan apa-apa urusan oleh Dewan Undangan selagi jawatan Tuan Speaker itu kosong. Oleh yang demikian, tempat Senator yang kosong itu tidaklah dapat diisi pada masa ini.

UNDANG-UNDANG DARURAT DI KELANTAN

3. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub minta Perdana Menteri menerangkan bilakah beliau akan menarik balik pelaksanaan Undang-undang darurat di negeri Kelantan itu.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, perkara menarik balik kuatkuasa Undang-undang darurat di Negeri Kelantan adalah bergantung kepada keadaan dan suasana ketenteraman awam di negeri itu. Apabila keadaan ketenteraman awam di negeri itu telah pulih maka Undang-undang Darurat itu akan dibatalkan dan pemerintahan negeri itu akan berjalan seperti biasa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung adalah berkuasa membatalkan Undang-undang Darurat itu atas nasihat Jemaah Menteri.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Bila dikuatkuasakan Undang-undang Darurat di Negeri Kelantan, saya ingin tahu bagaimana sambutan rakyat negeri Kelantan dan juga kakitangan Kerajaan di negeri Kelantan atas pelaksanaan Undang-undang Darurat itu?

mengeluarkan oleh kerana tidak mempunyai kuasa berbuat demikian atau belum lagi menerima arahan tertentu melainkan kelulusan diberi oleh Parlimen dan ini akan menyebabkan pekerja-pekerja mendapat kesusahan kewangan sekiranya pembayaran daripada Tabung ini tidak dipercepatkan.

Timbalan Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Ya, ramai pekerja-pekerja Badan-badan Berkanun yang telah bersara belum lagi menerima pencen mereka selepas membuat pilihan untuk menerima pencen sebagai faedah-faedah persaraan daripada perkhidmatan mereka berikutan dengan pelaksanaan Lapuran Suruhanjaya Di Raja Gaji Harun dalam tahun 1975. Akta Kumpulan Wang Persaraan Pihakberkuasa-pihakberkuasa Berkanun dan Tempatan yang diterbitkan dalam *Warta* 9hb Jun, 1977 yang meluluskan bayaran pencen kepada pekerja-pekerja tersebut mempunyai tarikh kuatkuasa kebelakangan pada 1hb Mei, 1969. Sebelum itu faedah pencen dalam perkhidmatan Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan tidak wujud. Oleh kerana tarikh kebelakangan itu ramai pekerja-pekerja di dalam Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan telah membuat pilihan untuk terus menerima pencen dan yang lainnya telah memilih untuk terus menerima faedah daripada pencaharumannya kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Kelewatan yang berlaku adalah oleh kerana Pihak-pihak Pengurusan Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan berkenaan terpaksa mengambil masa untuk menyediakan kertas-kertas persaraan pekerja-pekerja mereka oleh sebab pada masa yang lepas penyelenggaraan rekod-rekod perkhidmatan pekerja-pekerja tidak begitu perlu kerana pekerja-pekerja tidak layak mendapat pencen. Sungguhpun demikian tindakan telah dan sedang diambil untuk memperingkatkan kemahiran pekerja-pekerja berkenaan dalam Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan supaya kertas-kertas persaraan boleh cepat di siap dan disampaikan kepada Lembaga

Kumpulan Wang Persaraan Pihakberkuasa-pihakberkuasa Berkanun dan Tempatan untuk membayar pencen pesara-pesara Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan.

- (b) Sebuah kumpulan wang yang bernama "Kumpulan Wang Persaraan Pihakberkuasa-pihakberkuasa Berkanun dan Tempatan" telah ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan Pihakberkuasa-pihakberkuasa Berkanun dan Tempatan, 1977, bagi pekerja yang telah memilih skim pencen. Bagi mereka yang telah memilih skim pencaharuman, satu tabung khas telah ditubuhkan untuk menerima caruman daripada pihak pekerja dan pihak majikan.

Sebelum daripada itu tiap-tiap pekerja termasuk pekerja-pekerja Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan berserta dengan majikannya adalah mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Sekarangpun pekerja-pekerja dalam Sektor awam termasuk Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan masih dikehendaki lagi mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sehinggalah pekerja-pekerja itu mencapai taraf dan dimasukkan ke dalam perjawatan berpencen. Bagi maksud pekerja-pekerja Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan yang dilantik sebelum 15-1-75 yang telah membuat pilihan untuk menerima faedah Sekim Pencaharuman, caruman yang dibuat kepada Tabung Khas itulah yang mendirikan tabung wang persaraan mereka. Pemin dahannya kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja tidak dapat dilakukan sehingga peraturan-peraturan untuk mengeluarkan caruman tersebut daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja diluluskan. Masaalah ini telah diatasi dengan membuat pindaan kepada Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang telah diwartakan pada 26-5-1977 untuk membolehkan pemin dahan caruman-caruman daripada Tabung Khas itu kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan dengan itu pengeluaran caruman dapat dibuat mengikut Peraturan-peraturan Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Masalah ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan masalah layak atau tidak. Tetapi masalah penggunaan di peringkat dunia antarabangsa ataupun peringkat international terutama sekali macam di peringkat Bangsa-bangsa Bersatu atau Jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah peringkat Bangsa-bangsa Bersatu biasanya digunakan penggubalan itu dalam bahasa Inggeris.

Datuk Dr Wee Khoo Hock: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan dapat menghantar seorang Peguam ke New York untuk membantu mission Malaysia di Bangsa-bangsa Bersatu supaya wakil Malaysia dalam Jawatankuasa ke 6 Bangsa-bangsa Bersatu iaitu Jawatankuasa Legal dapat memainkan peranan yang lebih penting dan positif dalam Jawatankuasa itu?

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya ada, termasuk wakil-wakil kita sendiri yang menghadiri sidang Bangsa-bangsa Bersatu yang biasanya dipilih dari pakar-pakar undang-undang dan termasuklah pegawai-pegawai tetap kita yang ada di peringkat Bangsa-bangsa Bersatu yang mewakili Malaysia.

RUKUN TETANGGA

10. Datuk V. Ponnusamy Pillai minta Perdana Menteri menyatakan samada mereka yang menjalankan tugas Rukun Tetangga akan dijamin keselamatan mereka dari serangan orang-orang jahat yang bersenjata:

- (a) apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk melindungi mereka; dan
- (b) apakah langkah yang telah diambil untuk melengkapi ahli-ahli Rukun Tetangga dengan senjata.

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, saya suka maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan tidak boleh menjamin sama sekali keselamatan mereka yang menjalankan tugas Rukun Tetangga dari serangan orang-orang jahat yang bersenjata. Ini adalah satu perkara yang mustahil. Sungguhpun Kerajaan memberi kepada anggota

Rukun Tetangga kuasa Polis setaraf Mata-mata di samping memberi tugas untuk membantu Polis mengawal dan menjaga keamanan kawasan kediaman setempat, ini tidaklah bertujuan menghendaki anggota Rukun Tetangga menjalankan semua tugas kepolisian terutama tugas-tugas dan tanggungjawab yang akan membahayakan mereka atau membawa mudarat kepada mereka.

- (a) Dari segi melindungi anggota-anggota Rukun Tetangga dari kemungkinan serangan orang-orang yang bersenjata, Urusetia Rukun Tetangga di semua peringkat (Pusat, Negeri dan Daerah) telah mengadakan beberapa arahan dan peraturan yang meliputi langkah-langkah yang harus dipatuhi oleh mereka jika sekiranya mereka diserang oleh orang-orang yang bersenjata. Kursus-kursus bertujuan untuk melatih bagi kemahiran semua anggota Rukun Tetangga supaya menjalankan tugas mereka dengan sempurna akan diadakan dengan kerjasama pihak Polis dari masa ke semasa. Selain dari itu pihak Polis sentiasa memberi kerjasama yang erat dengan menasihati serta menyelaraskan tugas-tugas dengan Jawatankuasa-jawatankuasa Sektor di dalam urusan rondaan dan kawalan sektor-sektor yang terdapat kegiatan-kegiatan jenayah yang boleh membahayakan keselamatan anggota Rukun Tetangga.
- (b) Berdasarkan kepada penerangan-penerangan yang saya telah huraikan itu, Kerajaan berpendapat ahli-ahli Rukun Tetangga tidaklah perlu dilengkapi dengan senjata.

PEMERIKSAAN BARANG BELIAN DI PASAR

11. Datuk Haji Abu Bakar Titingan minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau sedar bahawa orang ramai selalu jadi mangsa penjual-penjual di pasar-pasar dengan mendapat barang belian yang ditimbang kurang dari yang sepatutnya. Jika sedar samada beliau akan mengadakan "surprise check" ke atas dacing-dacing dan barang-barang yang sudah ditimbang oleh mereka.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abdul Manan bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar di atas perkara yang ditimbulkan oleh

Ahli Yang Berhormat. Tindakan pemeriksaan mengejut sentiasa dan selalu dijalankan oleh Pegawai-pegawai Kementerian ini samada secara bersama dengan Merinyu Timbang dan Sukat Negeri ataupun secara bersendirian. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Pegawai-pegawai Penguatkuasa Kementerian adalah juga diwartakan sebagai Merinyu Timbang dan Sukat Negeri yang bertujuan untuk membantu tugas-tugas Merinyu Timbang dan Sukat. Daripada bulan Oktober 1972 sehingga akhir bulan Oktober 1977 sebanyak 357 kes-kes yang telah didakwa yang mana jumlah denda yang dikenakan ialah sejumlah \$13,371.00.

PERKARA-PERKARA SENSITIF

12. Tuan Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa ada orang-orang yang memainkan sentimen perkauman yang menyentuh perkara-perkara sensitif seperti kedaulatan Bahasa Malaysia dan hak-hak Bumiputra; dan
- (b) apakah tindakan yang telah diambil terhadap mereka ini demi menjaga keselamatan negara sebelum terlambat.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, untuk menghadapi masalah seperti ini maka Akta Hasutan telah diwujudkan. Sekiranya ada sesiapa yang didapati memainkan sentimen perkauman dan terdapat bukti yang sah, ada bukti yang sah maka mereka akan didakwa di bawah Akta Hasutan itu. Oleh yang demikian, sekiranya Ahli Yang Berhormat mengetahui ada sesiapa yang melakukan perbuatan menghasut seperti yang disebutkan itu, silalah lapurkan kepada pihak polis ataupun kepada Peguam Negara.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini adakah diambil tindakan kepada mereka yang terlibat dalam Akta Hasutan ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa ingat, tetapi saya rasa ada dalam court bahkan pending pun ada. Tetapi bilangannya dan siapa mereka itu tak dapat saya ingat, kalau beri notis saya boleh berikan jawapan.

TAHANAN POLITIK

13. Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah benar bahawa orang-orang tahanan politik di Pulau Jerjak dan di Kemunting itu diperalatkan oleh kominis untuk menjalankan latihan-latihan dan mesyuarat-mesyuarat bagi memperkemas lagi strategi fahaman mereka di kalangan orang-orang tahanan nanti apabila mereka keluar mereka dapat menjalankan fahaman kominis menentang Kerajaan dengan cara sulit.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat sekali lagi saya ingin menyatakan di sini sungguhpun saya telah beberapa kali mengatakan dahulu tidak ada barang siapapun yang dikatakan seorang tahanan politik. Orang yang ditahan di Pulau Jerjak itu ialah terdiri daripada penjenayah-penjenayah yang ditahan di bawah Ordinan Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah, sementara itu mereka yang ditahan di Tempat Perlindungan Taiping itupun terdiri daripada mereka yang terlibat dalam kegiatan-kegiatan mengganas. Adalah tidak benar orang-orang tahanan di kedua-dua tempat tahanan itu telah dijadikan alat oleh kominis untuk menjalankan latihan dan mesyuarat-mesyuarat seperti yang didakwa kerana mereka sentiasa diawasi dan Kerajaan adalah mengetahui semua kegiatan yang mereka lakukan di dalam tempat-tempat tahanan itu.

TABUNG AMANAH PUSINGAN \$10 JUTA

14. Tuan M. Mahalingam minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan berapa banyak jumlah yang telah digunakan dari Tabung Pusingan \$10 juta yang diuntukkan bagi rancangan perumahan bagi pekerja-pekerja ladang dan samada Menteri berpuashati dengan cara-cara wang tersebut digunakan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka memberi penjelasan bahawa Tabung Amanah Pusingan \$10 juta yang diluluskan oleh Parlimen untuk pinjaman perumahan adalah tidak terhad kepada pekerja-pekerja ladang bahkan kepada rakyat yang berpendapatan rendah. Wang tersebut adalah

digunakan sebagai yang telah ditetapkan di dalam peraturan Tabung Amanah tersebut dan setakat ini saya berpuashati dengan cara penggunaannya.

PENUNTUT-PENUNTUT MELAYU/ CHINA/INDIA

15. Tuan Oh Siew Aun minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) bilangan penuntut-penuntut Melayu, China dan India yang diambil masuk ke dalam institusi-institusi pelajaran tinggi tempatan dalam tahun 1976 dan 1977; dan
- (b) berapa orang guru telah diizinkan mengambil bahagian secara aktif dalam bidang politik dengan memberikan

Pengambilan penuntut-penuntut Bumiputra, China dan India ke institusi-institusi pelajaran tinggi tempatan dalam tahun 1976 dan 1977 adalah seperti berikut:

Institusi	Kaum	Tahun	
		1976	1977
KOLEJ TUNKU ABDUL RAHMAN ..	Bumiputra	39	61
	China	2,343	2,991
	India	135	211
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA	Bumiputra	1,035	1,102
	China	38	48
	India	12	21
UNIVERSITI MALAYA	Bumiputra	1,005	1,047
	China	821	767
	India	149	146
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA ..	Bumiputra	799	848
	China	80	62
	India	24	38
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA ..	Bumiputra	489	506
	China	270	244
	India	38	49
UNIVERSITI TEKNOLOJI MALAYSIA ..	Bumiputra	788	960
	China	71	71
	India	13	17
INSTITIUT TEKNOLOJI MARA ..	Bumiputra	3,060	2,377
	China	—	—
	India	—	—
POLITEKNIK UNGKU OMAR	Bumiputra	580	437
	China	157	142
	India	31	18
POLITEKNIK KUANTAN	Bumiputra	—	99
	China	—	20
	India	—	1

angka-angka pecahan mengikut berbagai-bagai kumpulan etnik.

Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) terlebih dahulu saya ingin menegaskan bahawa soalan seperti ini tidak akan memberi gambaran yang benar tentang peluang pelajaran bagi semua kaum. Untuk mengetahui kedudukan sebenar kita perlu mengambilkira kemasukan penuntut sejak adanya institusi pelajaran tinggi di Malaysia dan juga bilangan penuntut yang belajar di luar negeri. Menumpukan perhatian kepada universiti dalam negeri pada tahun 1976 dan 1977 akan menimbul perasaan yang tidak diingini.

(b) Setakat ini Kementerian Pelajaran telah meluluskan seramai 37 orang guru-guru untuk mengambil bahagian secara aktif dalam bidang politik. Mereka adalah terdiri daripada 16 guru Melayu, 15 guru China dan 6 guru India.

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa soalan yang begini tidak akan menggambarkan kedudukan pelajaran tinggi yang sebenarnya bagi penduduk-penduduk Malaysia. Bolehkah saya dapat jawapan apakah kedudukan yang sebenarnya jika dibandingkan keseluruhan pelajaran tinggi di segala peringkat dan di segala cerok rantau dunia apakah perbezaan kedudukan pelajaran tinggi di antara bumiputra dan yang bukan bumiputra.

Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, untuk menentukan kedudukan yang sebenarnya saya perlu mengambil lebih banyak maklumat secara statistik, dan saya minta notis kalau Yang Berhormat hendakkan jawapannya.

KAYU-KAYAN

16. Puan Zawiah binti Abdullah minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan memandangkan Malaysia akan kehabisan sumber kayu-kayan dalam tempoh 12 tahun akan datang dan untuk menjamin sumber ini tidak kehabisan dalam jangka waktu yang singkat apakah langkah-langkah yang positif yang akan diambil oleh Kementerian ini.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat saya suka menjelaskan bahawa pada keseluruhannya keadaan isi sumber kayu-kayan bagi Malaysia adalah mencukupi dan memuaskan. Bagaimanapun, bagi Semenanjung Malaysia pula sekiranya kadar bekalan sekarang diteruskan adalah kemungkinan benar bahawa Semenanjung Malaysia akan menghadapi masalah-masalah bekalan bagi jenis kayu yang bermutu tinggi selepas tempoh 12 tahun. Oleh yang demikian, Kementerian saya melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah mengambil tindakan-tindakan untuk mengawal serta membanyakkan lagi sumber-sumber perhutanan terutama di segi keluaran kayu balak melalui amalan

pengurusan hutan yang sistematik dan berkesan. Antara langkah-langkah yang penting ialah mengadakan dasar perhutanan negara bagi Semenanjung Malaysia yang mana telah-pun diterima oleh Kerajaan-kerajaan Negeri untuk dilaksanakan.

Dalam Persidangan Keempat Majlis Perhutanan Negara yang telah diadakan pada 29hb Ogos, 1977 syor untuk menubuhkan hutan simpanan kekal bagi Semenanjung Malaysia yang berjumlah 12.8 juta ekar iaitu 39.4% daripada luas kawasan Semenanjung Malaysia telahpun diterima oleh sumber Kerajaan Negeri melalui dasar tersebut pembukaan kawasan hutan adalah dicatukan iaitu tidak melebihi dari catuan tahunan seluas lebih kurang 166,000 ekar setahun. Adalah jelas dengan adanya dasar seperti ini maka kedudukan hutan simpan kekal bagi Semenanjung Malaysia akan dapat dikawal melalui pembukaan kawasan yang lebih sistematik dan teratur mengikut perinsip pengeluaran yang berkekalan iaitu sustained use principle.

Selain daripada itu, Jabatan Perhutanan telah juga melancarkan satu kajian tentang kesesuaian mengamalkan cara pengurusan hutan yang dinamakan tebang by cycling yang mana pengeluaran kayu balak dihadkan kepada jenis-jenis pokok dan juga ukuran lilit pokok-pokok yang dijalankan dua kali dalam tempoh satu giliran selama 50 tahun. Kajian ini masih dijalankan dan ada kawasan-kawasan hutan yang dipunyai oleh Komplek Hutan seperti Syarikat Jengka Tiga Segi di Pahang dan juga Syarikat Bersama di Trengganu sedang mengamalkan sistem tebangan ini dengan usaha-sama Jabatan Perhutanan. Di samping Jabatan Perhutanan adalah juga menjalankan rawatan-rawatan civilculture yang sesuai dalam kawasan-kawasan tertentu. Tanaman dengan anak-anak pokok merupakan salah satu daripada rawatan civilculture yang dijalankan sekarang ini.

Selain dari apa yang disebutkan di atas Ibu Pejabat Perhutanan sedang mengambil tindakan untuk mensekukan anekmen-anekmen hutan bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Dalam Mesyuarat Majlis Perhutanan Negara pada 29hb Ogos, 1977 Kerajaan-kerajaan Negeri telah bersetuju untuk mengadakan satu anekmen yang seragam dan ini adalah merupakan satu alat penting untuk menjamin kawalan hutan yang lebih berkesan terhadap pembekalan negara ini.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Saya suka hendak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan adakah menjadi dasar Kerajaan sekarang ini bahawa log-log diharamkan daripada diekspot kecuali log-log itu diproseskan lebih dahulu untuk dijadikan saiz baharu dibenarkan ekspot. Adakah ini menjadi dasar Pejabat Hutan sekarang ini yang boleh sedikit sebanyak mengurangkan cepatnya kehabisan log-log kita dalam negara ini.

Tuan Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, adalah dasar di Semenanjung Malaysia bahawa log-log melebihi 18 inci tidak boleh diekspot ke negara-negara lain. Oleh sebab itu, kita ada isi hutan ataupun log-log di Semenanjung Malaysia, dan saya harap bahawa kita boleh menggalakkan impot log-log daripada Sabah dan Sarawak.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu daripada Jabatan Perhutanan iaitu sudah menjadi satu kelaziman kepada Jabatan Perhutanan kawasan-kawasan tanah hutan yang diberi lesen balak dan telah dikerjakan kayu-kayu yang besar itu, kemudian tinggal kayu yang kecil itu, maka diberi lagi lesen untuk mengeluarkan dengan nama KSK (Kawasan Sudah Kerja). Adakah ini satu dasar yang baik seumpama ini? Apa yang dikatakan tadi adalah menjadi satu dasar hendak mengawal supaya hutan-hutan dan kayu-kayu ini subur di Malaysia, tetapi apakala hutan dara sudah dikeluarkan lesen kepada pembalak dan sudah dikeluarkan kayu-kayu besar itu kenapa pula dikeluarkan lesen KSK kepada pelesen-pelesen untuk dikeluarkan lagi. Tidakkah maknanya cara ini, boleh membunuh langsung hutan-hutan di Malaysia ini.

Yang kedua, tanaman baharu bagi menggantikan tanaman lama. Seumpama pokok-pokok yang bermutu tinggi seumpama di Indonesia ada ditanam pokok-pokok jati. Adakah Jabatan Perhutanan di sini merancangkan supaya pokok-pokok jati sebagaimana yang dibuat di Indonesia itu akan ditanam di tempat-tempat kayu-kayu yang telah diambil itu.

Tuan Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri adalah berkuasa untuk memberi lesen kepada peniaga-peniaga. Kementerian saya boleh memberi nasihat

kepada Kerajaan Negeri. Bagi lesen kedua diberikan satu kawasan adalah disebabkan iaitu pokok-pokok yang tidak besar boleh dihasilkan pada masa yang akan datang. Oleh sebab itu, Kerajaan Negeri memberi lesen kedua di hutan ini. Kerajaan Persekutuan selalunya menggalakkan civilculture treatment untuk mendapat hasil hutan pada masa yang akan datang.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan pada tiap-tiap tahun 166,000 ekar dikeluarkan untuk dibalak, betulkah? Dalam 166,000 ekar itu ada bangsa-bangsa kayu balak boleh diekspot ke luar negeri dan ada yang tidak boleh, tetapi dipotong-potong kemudian diekspot ke luar negeri. Saya hendak bertanya ialah oleh kerana kita boleh kerjakan cuma 166,000 ekar, jadi limited areanya, dengan sebab itu papan untuk kegunaan kita di dalam negeri ini kalau semua diekspot atau $\frac{2}{3}$ diekspot kegunaan dalam negeri ini tentulah supplynya kurang. Apabila supply di sini kurang maka harganya naik melambung. Boleh atau tidak tiap-tiap sawmiller ini dihadkan untuk diekspot, setengah sahaja, setengah lagi itu bolehlah dikeluarkan untuk dalam negeri. Ini mesti dijaga, kalau tidak begitu maka harga akan melambung, atau mestilah dibuka lebih luas hutan itu. Bolehkah atau tidak dibuat begitu?

Tuan Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kerajaan tidak ada cadangan untuk tidak membenarkan ekspot saw-wood dan saya sekarang ini mencatatkan cadangan Ahli Yang Berhormat itu.

LESEN BOT-BOT NELAYAN

17. Tuan Chua Ching Cheng minta Menteri Pertanian menyatakan :

- (a) jumlah bilangan lesen bot-bot nelayan untuk semua jenis perkakas ikan yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan di tiap-tiap negeri di Malaysia;
- (b) samada bilangan lesen bot-bot nelayan itu seimbang dengan keperluan ikan bagi jumlah penduduk-penduduk di tiap-tiap negeri yang berkenaan; dan
- (c) jika tidak, mengapakah baru-baru ini Jabatan Perikanan di negeri Melaka telah diarahkan oleh ibu pejabat supaya pengeluaran lesen-lesen baru bagi bot-bot nelayan dibekukan.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat:

(a) Perlis	288
Kedah	1,524
Pulau Pinang	1,886
Perak	4,781
Selangor	3,018
Negeri Sembilan	171
Melaka	712
Johor	5,139
Pahang	913
Trengganu	3,004
Kelantan	1,194
Sabah	4,200
Sarawak	4,940

(b) Bilangan lesen yang dikeluarkan itu bukanlah bergantung kepada kebanyakan ikan keperluan penduduk-penduduk, tetapi berdasarkan kepada perkara-perkara yang berikut:

(i) Penghasilan maksima yang boleh diperolehi dari sumber-sumber perikanan.

(ii) Samada hasil tangkapan sekarang ini ke bawah atau ke atas dari penghasilan maksima. Sekiranya ke bawah maka bilangan lesen-lesen bolehlah ditambah. Tetapi sekiranya didapati sama paras atau ke atas maka lesen-lesen baru tidak akan dikeluarkan lagi.

(c) Penghasilan maksima yang dianggarkan bagi Selat Melaka ialah 223,000 ton dan hasil tangkapan bagi tahun 1976 ialah sebanyak 294,597 ton. Untuk negeri Melaka bilangan bot-bot telah bertambah dari 606 lesen dalam tahun 1975 kepada 712 lesen bagi tahun 1976, tetapi hasil tangkapan didapati hampir sama iaitu 1,317 ton dihasilkan dari tangkapan dalam tahun 1975 berbanding dengan 1,313 ton di dalam tahun 1976.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Saya berterima kasih dalam jawapan tadi iaitu lesen bot banyak dalam negeri Johor. Saya hendak tahu dengan sebegini banyak lesen-lesen yang telah kita keluarkan adakah Kementerian ini dapat memberi jaminan bahawa hasil tangkapan ikan dalam negeri kita ini boleh mencukupi untuk penggunaan rakyat dalam negeri ini.

Dato Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Lesen sahaja dikeluarkan yang saya sebutkan adalah memandangkan kepada tangkapan maksima untuk keperluan negara. Sebenarnya, negara kita telah banyak mengeksport ikan ke luar negeri daripada jumlah pendapatan. Walaupun kita ada juga mengimpor tetapi kita banyak mengeksport. Ini bermakna lebih daripada keperluan negara.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Jika keadaan ini sedar dan jaminan Yang Berhormat Menteri mengatakan ikan di dalam negara kita ini cukup, adakah Kementerian ini sedar bahawa ikan-ikan pada masa sekarang harganya telah melambong tinggi yang tidak upaya rakyat biasa membelinya sehingga ikan kelas rendah sudah mahal.

Dato Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Soal harga ikan mahal tidak bolehlah disebabkan kerana ikan lebih, kerana keadaan sara hidup dalam negeri ini mula meningkat maka biarlah nelayan mendapat faedah yang lebih. Saya rasa tak ada apa salahnya.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Saya memang suka nelayan ini mendapat kehidupan yang lumayan apabila Yang Berhormat Menteri menyebut kehidupannya lumayan, tetapi saya dapat tahu iaitu nelayan-nelayan ini tidak dapat hidup lumayan kerana orang-tengah yang dapat di tengah laut sudah dia beli ikan-ikan ini. Ada atau tidak Jabatan Perikanan menjaga orang-tengah di laut lagi sudah dibeli dengan cukup murah kemudian dijual dengan cukup mahal. Ada atau tidak dijaga perkara ini?

Dato Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, soal membeli di tengah atau membeli di tepi saya rasa tidak berbangkit asalkan harga itu menasabah dan mendapat pulangan yang berpatutan kalau sekiranya nelayan sanggup menjual ikan begitu murah ditengah. Kita sekarang sudah banyak persatuan-persatuan nelayan dan banyak pegawai-pegawai nelayan yang sentiasa mengawasi dan memberi nasihat kepada nelayan-nelayan ini daripada segi pemasaran.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Kita tengok perbezaan kehidupan nelayan di tepi laut pada hari ini di Kuala Selangor atau di Sungai Buloh tidak berubah. Rumahnya condong ke tepi laut, hidupnya begitu

juga oleh kerana tangkapan ikan nelayan-nelayan ini dibeli secara murah di tengah laut oleh kerana sudah ada ikatan. Adakah perkara ini disiasat atau tidak?

Dato Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar dan mengakui soal kemiskinan ini, maka itulah sebabnya Kerajaan menyediakan subsidi-subsidi untuk memberi kemudahan-kemudahan kepada nelayan-nelayan ini seperti injin pukat, credit daripada Bank Pertanian dan sebagainya. Jadi masalah untuk memulih soal kemiskinan ini memanglah memakan masa, dan pada masa ini Kementerian Pertanian sedang mengatur supaya nelayan-nelayan ini duduk di bawah Koperasi-koperasi Nelayan supaya senang diorganise daripada segi tangkapan dan juga hasil pemasaran mereka.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Timbalan Menteri ini rajin memberikan bot dan jentera-jentera kepada nelayan kita. Saya ingin tahu dengan sebegini banyak bot-bot kita beri kepada nelayan adakah Kementerian ini bercadang mengadakan bengkel melalui koperasinya untuk membaiki bot-bot nelayan kita supaya tidak ditekan oleh orang-tengah selain daripada ikan.

Dato Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Memang di dalam rancangan tiap-tiap koperasi nelayan ada bengkel sendiri untuk memperbaiki bot-bot nelayan.

DISIPLIN MURID-MURID SEKOLAH

18. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah yang diusahakan atau apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian ini untuk memperbaiki disiplin di kalangan murid-murid sekolah baik di peringkat rendah mahupun di peringkat menengah, kerana di setengah-setengah sekolah murid-murid sudah berani mencabar guru-guru selain daripada tidak menghormati guru-guru sebagaimana yang sepatutnya dihormati dan ini jelas bertentangan dengan tujuan utama Kementerian yang mana ialah untuk mendidik rakyat Malaysia melalui sistem pelajaran kebangsaan supaya membolehkan mereka menjadi warganegara yang berpengetahuan, bertanggungjawab dan berkebolehan.

Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran memandang berat soalan disiplin dalam sekolah-sekolah dan sentiasa mengambil langkah untuk memperbaiki disiplin di kalangan murid-murid sekolah baik di peringkat rendah mahupun di peringkat menengah. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pelajaran ialah:

- (a) Menghantar surat pekeling dan panduan berkaitan dengan hal-hal disiplin kepada Jabatan Pelajaran Negeri dan sekolah.
- (b) Ceramah dan seminar berkaitan dengan hal-hal disiplin telah diadakan oleh Jabatan Pelajaran Negeri, Kesatuan/Persatuan Guru-guru, Guru Besar-guru Besar dan lain-lain.
- (c) Kursus dalam perkhidmatan telahpun diadakan pada peringkat negeri dan kebangsaan di mana aspek-aspek disiplin telah dibincangkan.
- (d) Menegaskan kepada ibubapa dan Persatuan Ibubapa dan Guru-guru bahawa mereka juga hendaklah memainkan peranan yang penting dalam pelajaran dan pendidikan anak-anak mereka supaya anak-anak mereka boleh menjadi warganegara yang berpengetahuan, bertanggungjawab dan berkebolehan.
- (e) Mengukuhkan pelajaran agama dan pada masa akan datang menjadikan akhlak sebagai satu matapelajaran.

Tuan Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya sekiranya disiplin ini tidak baik di kalangan murid-murid adakah barangkali disebabkan pemilihan guru-guru yang dipilih menjadi guru tidak sebagaimana di waktu saya di bangku sekolah dahulu, jika seorang guru itu datang dengan matanya sahaja kita sudah takut dan kita mengikut disiplin, tetapi sekarang guru-guru yang dipilih bagaimana pula?

Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini ramalan, jadi saya tidak dapat menjawab.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab barangkali disiplin murid-murid sekarang ini begitu lemah kerana gurunya tidak ada disiplin, jadi kalau sekiranya gurunya tidak ada disiplin bagaimana anak muridnya

ada disiplin. Rambut panjang, pakai baju Yankee (*Ketawa*) dan sebagainya. Adakah dengan sebab gurunya tidak ada disiplin maka muridnya tidak ada disiplin. Saya mohon bertanya.

Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan memang ada tetapi kita belum ada menjalankan selidikan samada disiplin murid-murid itu adalah akibat daripada guru rambut panjang. Saya fikir faktor yang paling utama ialah ibubapa di rumah sebab sebahagian besar daripada masa murid-murid itu berada dengan ibubapa. Seperti kata pepatah Melayu: Bapa borek, anak rintik (*Ketawa*).

PENYALAHGUNAAN DADAH DI RANTAU ASEAN

19. Tuan Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, memandangkan keselamatan serantau Negara-negara ASEAN samada persidangan Menteri-menteri Hal Ehwal Dalam Negeri negara-negara ASEAN akan diadakan untuk mencegah penyalahgunaan dadah, kegiatan-kegiatan subversif dan kominis.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai hubungan yang sangat rapat serta rapi dan mempunyai kerjasama yang begitu erat dengan cara dua hala atau timbal balas (bilateral arrangement), misalnya Malaysia dengan Indonesia, Malaysia dengan Thailand, Malaysia dengan Singapura, khususnya di dalam hal membanteras musuh yang mengancam keselamatan dan kesetabilan negara seperti kegiatan subversif, kominis dan juga salahguna dadah dan didapati bahawa kerjasama dan persefahaman ini berjalan dengan baik dan sangat memberi menafaat kepada negeri masing-masing dan didapati adalah mencapai matlamat yang dikehendaki. Oleh yang demikian, pada waktu ini rasanya tidak perlu kita mengadakan persidangan seperti yang disarankan tadi.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, sekiranya persidangan yang dimaksudkan itu diadakan, tidak boleh tidak ASEAN nanti berbau sebagai satu pakatan pertahanan dan saya rasa Yang Berhormat sendiri tidak bersetuju yang ASEAN itu dibuat sebagai satu pakatan pertahanan.

SEMBAHYANG BAGI PASUKAN KESELAMATAN

20. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menerangkan samada Kerajaan memberi kemudahan kepada anggota-anggota pasukan keselamatan yang beragama Islam untuk menunaikan sembahyang lima waktu dalam waktu-waktu yang ditentukan mengikut Ugamanya semasa mereka bertugas dan jika ya, sebutkan kemudahan-kemudahan yang diberikan itu seperti menyediakan tempat sembahyang, atau mengadakan tenaga pengganti dan sebagainya.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sememangnya sentiasa memberikan segala kemudahan dan kesempatan supaya setiap anggota Pasukan Keselamatan dapat menunaikan fardzu sembahyang. Setiap ketua baik di peringkat atasan atau bawahan sentiasa memberi arahan dan mengaturkan supaya setiap anggota-anggotanya diberi kesempatan untuk menunaikan sembahyang dengan cara mengadakan pengganti ataupun dengan cara bergilir-gilir. Saya sendiri pada masa saya melawat masuk ke hutan, saya sendiri nampak keadaan ini memang berjalan, hanya di dalam keadaan tertentu sahaja, misalnya, pengganti tidak ada atau tidak dapat diadakan maka anggota itu terpaksa melakukan kadha.

Mengenai tempat beribadat ianya tidak menjadi soal kerana setiap balai atau markas ada disediakan ruang untuk maksud-maksud itu.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam soal setiap anggota kita menunaikan ibadah sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, adakah dapat diberi jaminan kepada Dewan ini bahawa seluruh anggota yang beragama Islam itu dapat menunaikan fardzu sembahyang, atau beberapa orang sahaja.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya hendak memberi jaminan itu, saya ini bohong. Umpamanya, pegawai traffic police yang hendak menjaga di sana hari Jumaat. Di Kuala Lumpur ini sahaja ada 217 orang Islam lelaki, 21 wanita, China 8 dan yang bukan Islam barangkali ada 15-16 orang.

Jadi, bagaimana saya hendak memberi jaminan begitu, tetapi perkara ini tentulah ada giliran-gilirannya. Kalau minggu ini tidak dapat sembahyang, minggu depan mereka dapat.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu untuk soal jawab selama satu jam sudah tamat.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 21 adalah diberi di bawah ini).

LANDASAN PADANG KAPALTERBANG KENINGAU

21. Datuk Stephen Robert Evans minta Menteri Perhubungan menyatakan samada Kementerian beliau telah membuat sebarang peruntukan untuk membesar dan memperbaiki landasan Padang Kapalterbang Keningau di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan jika ya, bilakah pembinaan semula Padang Kapalterbang Keningau akan bermula.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam): Tidak ada rancangan untuk membesarkan landasan rumput (grass strip) yang ada sekarang di Keningau. Adalah difikirkan landasan rumput tersebut adalah mencukupi bagi menampung keperluan pesawat jenis BN 2 yang menggunakannya. Bagaimanapun peruntukan yang telah diberi di bawah Rancangan Malaysia Ketiga akan digunakan untuk membaiki permukaan landasan terbang itu.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG BANK (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.38 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Puan Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta untuk meminda Akta Bank 1973" dibacakan bagi kali yang kedua.

Pemeriksaan yang telah dijalankan oleh Bank Negara Malaysia ke atas bank-bank berlesen menunjukkan bahawa beberapa kejadian tidak sihat dan tidak diingini telah

berlaku dalam pengurusan bank. Begitu juga beberapa peruntukan didapati perlu dikemaskan sejajar dengan masa dan keadaan tertentu. Untuk mengatasi masalah ini dan memperkemas pelaksanaan Akta Bank 1973, beberapa pindaan perlu dibuat kepada Akta tersebut seperti yang dibentangkan.

Fasal 2 Rang Undang-undang adalah bertujuan meminda seksyen-kecil 1 (c) seksyen 26 Akta Bank 1973. Peruntukan yang ada sekarang, antara lain, melarang bank berlesen memberi pinjaman melebihi \$10,000 tanpa jaminan kepada sebuah firma yang mana bank itu sendiri atau salah seorang daripada pengarah-pengarahnya mempunyai kepentingan sebagai kongsi, pengurus atau ejen, atau kepada seorang individu atau firma yang mana salah seorang daripada pengarah bank tersebut menjadi penjamin. Peruntukan lain pula iaitu Seksyen 26 (1) (d) melarang bank berlesen memberi pinjaman tanpa jaminan melebihi 6 bulan gaji (remuneration) kepada pegawai-pegawai atau pekerja-pekerjanya. Tetapi tidak ada peruntukan yang melarang bank berlesen daripada memberi pinjaman yang besar tanpa jaminan kepada firma-firma di mana pegawai atau pekerja bank tersebut menjadi kongsi, pengurus atau ejen. Untuk mencegah penyalahgunaan kuasa oleh seorang pegawai atau pekerja bank, terutamanya pegawai kanan bank, daripada memberi pinjaman untuk kegiatan perniagaan mereka sendiri, maka pindaan perlu dibuat kepada seksyen 26 (1) (c) (ii) bagi melarang bank berlesen memberi pinjaman melebihi \$10,000 tanpa jaminan kepada firma-firma di mana bukan sahaja bank tersebut atau pengarahnya mempunyai kepentingan tetapi juga di mana pegawai dan pekerjanya juga mempunyai kepentingan yang sama.

Fasal 2 Rang Undang-undang adalah juga bertujuan meminda seksyen 26 (1) (c) (iii) Akta Bank 1973 untuk memberi kuasa kepada Bank Negara Malaysia supaya membenarkan bank-bank berlesen memberi pinjaman kepada institusi-institusi kewangan terutama seperti bank saudagar. Menurut peruntukan yang ada sekarang bank berlesen dilarang memberi pinjaman melebihi \$10,000 tanpa jaminan kepada syarikat-syarikat yang ada hubungan dengannya (its related companies) kecuali kepada bank-bank dan syarikat-syarikat meminjam yang berlesen. Oleh kerana takrif perkataan "pinjaman" termasuk juga "simpanan", samada simpanan semasa atau simpanan tetap, maka

bank berlesen adalah dilarang membuat simpanan atau memberi pinjaman kepada institusi kewangan yang ianya ada hubungan selain daripada bank atau syarikat meminjam. Oleh kerana peruntukan ini menghadkan (restrictive) maka pindaan dicadangkan.

Fasal 3 Rang Undang-undang adalah bertujuan untuk meminda syarat (d) di bawah seksyen 27 (1) bagi mencegah penyalahgunaan (abuse) dan menentukan semua pengarah-pengarah bank berlesen diberi peluang untuk membincang permohonan-permohonan pinjaman daripada pengarah-pengarah sendiri ataupun daripada pihak-pihak di mana mereka mempunyai kepentingan. Dengan pindaan ini kelulusan ke atas pinjaman seperti ini hendaklah dibuat di dalam mesyuarat Lembaga yang penuh yang diadakan mengikut tata urusan bank tersebut. Oleh kerana peruntukan yang ada sekarang tidak menjelaskan perkara ini dengan terang, beberapa bank berlesen telah meluluskan pinjaman kepada pengarahnya dengan cara yang tidak memuaskan, umpamanya melalui ketetapan pekeliling (circular resolutions) sahaja tanpa sebarang perbincangan di dalam perjalanan mesyuarat Lembaga.

Fasal 4 Rang Undang-undang adalah bertujuan untuk meminda peruntukan-peruntukan mengenai denda-denda bersabit dengan kesalahan-kesalahan di bawah Akta Bank 1973 yang ditetap menurut Ordinan Bank 1958, dan tidak ada pindaan sejak daripada itu. Pindaan yang dicadangkan ialah untuk menambah jumlah maksima denda-denda berkenaan yang pada umumnya sekarang ini berjumlah tidak lebih daripada \$5,000 dan jumlah maksima denda-denda itu sekarang ini didapati tidak memadai dan perlu dinaikkan. Kenaikan yang dicadangkan ialah sebanyak empat (4) kali ganda (iaitu kadar yang sama dengan pindaan yang dibuat kepada Kanun Kesiksaan (Penal Code) dalam tahun 1976) bagi semua kesalahan-kesalahan di bawah Akta Bank 1973, kecuali bagi kesalahan di bawah seksyen 49 yang perlu dinaikkan lebih banyak lagi oleh kerana ianya melibatkan kesalahan yang lebih berat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Bank, 1973 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

3.44 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini yang mana sepatutnya sudah lama dibuat, sebab banyak pengarah bank sudah menjadi kaya-raya.

Tuan Yang di-Pertua, contohnya Malayan Banking, pada satu masa 6-7 tahun dahulu beribu-ribu orang datang menyerbu kerana Malayan Banking hendak bangkerap. Orang-orang yang menjual getah, penjual kopi atau peniaga kecil yang menyimpan duit di bank itu beribu-ribu datang untuk mengambil duitnya kerana tidak ada kepercayaan kepada Malayan Banking tersebut. Apa sebabnya? Pengarah-pengarah bank itu pada waktu itu telah membuat perniagaan masing-masing, menjamin antara satu sama lain, beli tanah hari ini besok dijual apabila harga tanah naik. Beli saham yang baik dengan menggunakan duit daripada bank itu. Demikianlah kerja pengarah-pengarah Malayan Banking itu. Bank Bumiputra tidak begitu. Perkara ini berlaku masa dahulu dan sudah menjadi history. Mengapakah pada masa itu Kerajaan tidak buat undang-undang seperti ini? Pada masa itulah jangkanya Kerajaan mesti bertindak secara tegas dan buat undang-undang seperti ini. Sebab itu saya katakan sudah terlambat, sudah banyak orang menjadi millionaire. Ada yang sudah buka bank sendiri. Kalau dikehendaki saya menunjukkan banknya, saya boleh tunjukkan banknya sehingga dengan mudah orang itu mempunyai banyak harta. Apa sebabnya Anti-corruption tak pergi menangkap dia kerana dia sudah menyeleweng menggunakan duit bank itu sampai kaya-raya, mempunyai beribu-ribu ekar estet dan saham-saham di bank-bank lain.

Baru-baru ini U.M.B.C. pun begitu juga, tetapi tak ada apa-apa tindakan dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, memang bagus sangat Undang-undang ini dibuat, itu sebab saya sokong, tetapi bukan kerana kes Bank Rakyat dibuat Undang-undang ini, itu tak betul.

Dari dahulu penyelewengan sudah berlaku.

Selain dari itu bank-bank ini boleh buat anak-anak syarikat dengan banyak, sepatutnya perniagaan bank itu berkaitan dengan urusan bank sahajalah. Apa sebabnya bank-bank itu dibenarkan menubuhkan anak-anak syarikatnya? Ini adalah salah kita sendiri kerana kita benarkan mereka tubuhkan subsidiary company.

Saya masih ingat, Tuan Yang di-Pertua, dalam kes Malayan Banking yang hampir bangkerap itu, Kerajaan menolong dengan memberikan modal lebih kurang \$400 juta dan Allahyarham Tun Dr Ismail dilantik sebagai Pengerusi bank itu supaya jangan menyeleweng lagi. Pada hari ini saya ingat Kerajaan ada mempunyai saham yang baik lebih kurang 60% dalam bank itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Bill ini bukanlah kerana sesuatu maksud, saya hendakkan perjalanan bank ini mestilah betul supaya duit rakyat yang disimpan dalam bank ini selamat, sebab bukan semua rakyat itu orang kaya belaka, tetapi banyak orang-orang miskin yang menyimpan duit di dalamnya. Jadi duit itulah yang akan dijadikan bekal hari tua ataupun perniagaan di masa yang akan datang. Dan janganlah diperjudikan dan dipermainkan oleh pengarah-pengarahnya. Pengarah-pengarah yang telah membuat kesalahan begini mestilah juga dipandang oleh Kerajaan. Pada hari ini siapa sahaja tidak peduli siapa sahaja, jangan dikatakan satu orang sahaja, tetapi masih banyak lagi mereka yang mesti diasiat. Jangan hanya benci satu orang dia dikudakan, tetapi semua orang yang salah jahanamkan dia. Itu baru betul, baru elok, baru undang-undang berjalan dengan baik.

Saya harap dengan adanya undang-undang ini, maka takutlah kelak pengarah-pengarah bank kalau sekiranya hendak menyeleweng. Penyelewengan seperti ini bukan sahaja berlaku dalam bank sahaja tetapi dalam UDA pun ada berlaku. Ada seorang yang meminjam \$800,000 daripada UDA, begitu jugalah caranya, dia boleh luluskan pinjaman kerana dia seorang director. Undang-undang ini juga mesti meliputi (cover) perbadanan-perbadanan Kerajaan yang lain. Kalau tidak penyelewengan akan berlaku. Itu mesti diasiat juga. Siapa sahaja tak peduli dia baik dengan sesiapa undang-undang mestilah dijalankan. Jadi oleh kerana ada undang-undang ini, saya harap selamatlah perjalanan bank-bank, bukan sahaja satu bank tetapi semua bank.

Saya nampak banyak bank-bank asing di negara kita ini. Bank bumiputra yang benar-benar bumiputra hanya 3 buah bank sahaja iaitu Bank Syarikat Kerjasama, Bank Rakyat dan Bank Bumiputra, tetapi banyak lagi bank-bank bumiputra mesti didirikan dan ditengokkan oleh Kerajaan. Rang Undang-undang ini mestilah juga pada masa akan datang meliputi finance company, perjalanan syarikat itu diperhatikan sebagaimana kehendak Undang-undang Bank ini dan mesti dijalankan dengan adil juga.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

3.50 ptg.

Datuk Seri Hussein bin Mohd. Noordin: Tuan Yang di-Pertua, saya sokong Rang Undang-undang ini iaitu satu Akta untuk meminda Akta Bank 1973. Apa yang saya hendak tanya di dalam bil ini ialah nampaknya dalam Bill ini adalah menyekat Pengarah-pengarah Bank mendapat pinjaman daripada anak-anak syarikat yang ditubuhnya seperti yang telah terjadi pada tahun-tahun yang sudah.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Pengarah dapat pinjaman daripada anak syarikat bank ataupun dapat pinjaman daripada bank hendak beri kepada anak syarikat?

Datuk Seri Hussein bin Mohd. Noordin: Pengarah-pengarah yang menubuhkan anak-anak Syarikatnya meminjam . . .

Puan Rafidah Aziz: Daripada Bank?

Datuk Seri Hussein bin Mohd. Noordin: Meminjam duit daripada Bank. Misalnya, saya pengarah satu bank dan saya tubuhkan satu syarikat berasingan yang saya juga menjadi pengarah dan meminjam wang daripada bank yang saya jadi pengarah. Nampaknya tujuan Kerajaan atau Undang-undang ini ada pengarah duduk dalam syarikat-syarikat lain dia tidak boleh meminjam daripada bank yang dia jadi pengarah. Saya ingat itu maksudnya. Tetapi saya hendak tanya pula in general practice yang terjadi sekarang, kata-lah, saya menjadi pengarah Bank A dan orang lain jadi pengarah Bank B. Saya kenal semua pengarah Bank B itu dan saya boleh pinjam daripada Bank B dan pengarah Bank B boleh pinjam daripada Bank A. Bagaimana

kita dapat mempertahankan supaya ini tidak menjadi malpractice antara inter-bank. Memang ada undang-undang berjalan dalam banking iaitu pengarah tidak boleh meminjam wang di dalam bank sendiri.

Ada berlaku kejadian yang telah disebutkan oleh saudara Raja Datuk Nong Chik tadi tetapi ini general practice yang berjalan sekarang ini tidak ada satu sekatan inter-bank iaitu pengarah bank ini kepada pengarah bank yang lain. Banyak bank-bank tempatan yang lain dia boleh pinjam, dan pengarah lain pula boleh pinjam daripada bank ini dengan ada understanding. Bill ini untuk mengawasi Pengarah-pengarah bank itu dan kakitangan bank itu sahaja, tetapi inter-bank bagaimana? Ini saya hendak bertanya. Saya percaya ini berjalan sekarang di dalam order of the day pengarah di antara satu bank dengan pengarah satu bank. Jikalau kita hendak sekat pengarah-pengarah bank itu supaya pengarah itu betul-betul menjalankan urusan bank dan juga dia tidak boleh meminjam daripada bank yang dia menjadi pengarah itu sudah lama berjalan. Tetapi yang berjalan malpractice ialah antara inter-bank yang saya fikir lagi merbahaya daripada yang ada dalam Bill ini. Bukanlah sebab satu orang itu boleh jadi millionaire sebab dia boleh duduk dalam bank itu dia gunakan duit bank itu dengan menubuhkan beberapa syarikat yang dia boleh membeli saham; sebab perjalanan bank hari-hari diperiksa oleh Bank Inspector daripada Central Bank. Dan semua return, pinjaman (loan) dan juga deposit dihantar kepada Central Bank tiap-tiap bulan. Jadi inilah yang saya bawakan satu masalah yang saya fikirkan patut dapat jawapan daripada Menteri berkenaan.

Tadi saudara saya Senator Raja Datuk Nong Chik telah menyebutkan perjalanan Malayan Banking. Biarlah saya terangkan di sini sebab saya adalah bekas Director of the Malayan Banking. Di sini saya hendak terangkan malpractice dalam Malayan Banking itu adalah membocorkan rahsia. Malpractice itu datangnya daripada pihak Kerajaan. Kerajaan mengatakan Bank Negara menyasat hal ini tetapi hasratnya datang daripada Directors of the Bank themselves made a complaint to the Bank Negara dan Kerajaan berkenaan dengan malpractice di dalam bank sebab di dalam bank ada Executive Director dan ada Board of Directors. Maka oleh sebab itu disalahkan kepada orang yang membawa intention di mana malpractice di dalam bank

itu kepada Kerajaan menyalahkan kepada Directors'; itu sebabnya Directors dalam bank resigned termasuklah Allahyarham Tan Sri Nik Kamil kerana Kerajaan lambat mengambil tindakan. Tinggailah Directors yang ada dalam bank itu Directors, yang ber-subahat atau questionable tetapi bukanlah Directors yang ada di dalam Bank itu semuanya yang sekarang menjadi millionaire. Tetapi barangkali apa yang dikata oleh Yang Berhormat tadi setengah daripada pegawai-pegawai yang ada di dalam Bank itu memang sudah menjadi millionaire, bahkan bank-bank lain, pegawai daripada Bank Bumiputra pun sudah menjadi millionaire. Perkara ini bukan soal kita. Inilah yang saya sebutkan tadi saya tidak mahu bercakap banyak berkenaan dengan hal ini tetapi soalnya bukanlah sebab pegawai itu menjadi millionaire kerana meminjam wang daripada Malayan Banking, Bank Bumiputra tetapi inter-bank iaitu relationship between bank to bank, kerana pegawai boleh pinjam berapa yang dia hendak dengan ada security tetapi the security is subject to valuation, tetapi valuation dibuat oleh siapa? It is not the independent valuation, bukan valuation yang kita buat tetapi valuation datang daripada bank sendiri, yang mana dia appoint Bank Valuation Officersnya sendiri. Dia boleh jack up the price, dan dia boleh turunkan price. Ini terulang samada bank itu hendak tolong orang itu atau tidak.

Ini mengikut experience saya dalam banking dan juga perkara ini telah berjalan juga dan kebanyakan berkenaan valuation ini saya sudah bercakap waktu perbahasan Budget berkenaan dengan valuation harta Bumiputra dengan harta non-Bumiputra. Kita belum dapat jawapan. Jawapan yang diberikan hari itu saya minta valuation ini supaya Menteri Kewangan dapat menetapkan satu bank menguruskan supaya harta-harta yang disandar kepada bank itu ada satu bank penama (nominee) yang boleh membeli balik iaitu harta-harta yang telah lenyap, iaitu harta-harta yang tidak dapat pasaran atau tidak dapat daripada kalangan bumiputra membeli balik. Jadi, mesti ada sebuah bank nominee. Perkara ini tidak ada jawapan, kalau dijawab pun akan diperkatakan pada masa ini kita tidak boleh buat kerana Malay Reservation kerana terpaksa minta approval daripada State Government supaya dapat disandarkan kepada bank. Malay Reservation itu ada bergeran ada individual title. Tidak payah minta approval daripada State Government untuk hendak disandarkan melainkan tanah

yang conditionnya mesti diluluskan oleh Ruler-in-Council baharu tanah itu dapat di-gadai, dijual dan dicagar kepada bank, ini condition berkenaan dengan Tanah Simpanan Melayu yang tercatat dalam Land Code.

Saya juga menyokong saudara saya Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak iaitu the purpose of this Bill atau maksud diadakan amendment ini kerana perkara ini banyak terjadi, bukan sahaja kepada Malayan Banking, bahkan mana-mana bank yang incorporated dalam Malaysia ini telah menjalankan banyak malpractice berkenaan dengan banking. Kita berharap dengan lulusnya pindaan Akta Bank 1973 penyiataan patut dijalankan juga berkenaan dengan perkara-perkara yang telah berjalan dan telah berlaku pada masa-masa yang sudah. Bukan sahaja penyiataan dijalankan kepada bank-bank tetapi kakitangan bank patut juga pihak yang berkuasa daripada Central Bank mengawasi atas pengurusan bank kita selalu dapati perasaan tidak puas hati kakitangan bank. Berhubung dengan promotion, elaun, gaji dan sebagainya ini berlaku kepada pegawai-pegawai rendah susah hendak mendapat atau ditahan promotion, kerana pihak majikan mengatakan: "I don't want your face here. If you want to remain, you can remain, you can remain here but no promotion", because there is prejudice.

Setengah-setengah bank ditukar pegawainya daripada satu bank ke satu bank. Bila dia minta pegawai itu dengan manis dia mengatakan you come to my bank, saya beri awak promotion. Jadi pegawai bertukar ke bank itu dan diberi training, lepas training, dia suruh tandatangan satu perjanjian undertaking. Kalau dia tidak bekerja selama tiga tahun, kalau dia berhenti dan bekerja di lain-lain bank, dia kena bayar perbelanjaan course yang dipelajarinya. Ini sudah terjadi di Kuala Lumpur dalam bank-bank baharu ditubuhkan yang diluluskan oleh Kerajaan iaitu mengambil kakitangan bank yang lain dengan memberi kata-kata manis, janji-janji manis tetapi dikenakan condition pula. Kalau orang itu tidak bersetuju dengan condition itu, sebab confirmation lambat, orang itu terpaksa berhenti, tetapi bila hendak berhenti lawyer akan beri notis, awak kena bayar balik training fees. Apakah lojiknya ini, seorang yang sudah bekerja daripada satu bank ke satu bank kena pergi training lagi. Dia sudah ada experience dalam sebuah bank

itu selama 10 tahun, dan pergi mengambil course selama sebulan, dia kena bayar \$5,000. Kita mesti jaga perkara seperti ini terjadi dalam bank-bank di Kuala Lumpur ini.

Saya boleh sebutkan di sini jika pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan hendak tahu. This is a clear case of intimidation. Perkara ini patut kita awasi. Bila seorang itu hendak bekerja di bank, dia mesti ada guarantor, kalau sekiranya orang itu tidak bayar maka guarantornya kena bayar. Kalau saya jadi guarantor then I have to pay \$5,000 for nothing.

Jikalau umpamanya staff dalam satu-satu bank itu kita tidak ada berhati-hati disebabkan dismissal, adalah tidak lojik dia melapurkan kepada Kementerian Buruh dan Kementerian Buruh pula hendak interfeere di dalam kes dismissal itu. Pegawai itu diambil semula tetapi dikatakan: "I do not like your face, you can stay in the bank but no promotion." This is not fair; this is intimidation. We should not allow that practice to be carried on especially in the banking sector and banking business. Sekiranya Menteri berkehendakkan kenyataan ini "in person, who is the person," saya boleh beri namanya—I can give in confidence the name to the Minister. Orang yang sama-sama bekerja dengan dia sudah naik pangkat (promotion), dia tunggu hendak naik, hendak berhenti tidak boleh, harapannya tidak ada. This is the attitude of the Directors in the bank. Kita tidak mahu Directors dalam bank itu prejudiced, macam saya di *Utusan Melayu*, some Directors do not like *Utusan Melayu*. Jikalau kita ada loan, dan kita hendak buat business, *Utusan Melayu* hendak charge share itu sebab setengah pengarah tidak suka *Utusan Melayu*; ini misalnya, mereka rejected. Ini tidak boleh, sebab banking bermakna taking people's money, lending it back to the people and earning interest. Why should you want to be very much concerned about people's money? Itu kerjanya, bukanlah seperti newspaper business, kena taip, hendak tengok, hendak baca balik dan hendak susun semula. Ini senang sahaja. Ambil duit orang, lepas itu pinjamkan kepada orang 10% interest—senang. Kalau tidak bayar, lawyer's notice datang, go to court, frightened of bankruptcy. Itu sahaja. Pengarah macam ini dia boleh menjalankan tugasnya, kononnya dia pakar, tetapi pakar apa dalam kerja seperti itu jikalau his attitude is prejudiced. Kalau

hendak sebut orang ini, saya boleh sebut, saya boleh beri kepada Menteri orang yang menjalankan kerja ini, sampai dia boleh kata kepada orang bumiputra, jikalau orang bumiputra tidak ada duit hendak berniaga, tidak usah berniaga. What kind of Director is in the bank?

Saya boleh bawa witness (saksi) kepada orang-orang yang saya katakan ini. Orang ini pula dari bangsa saya, Melayu, sayapun Melayu jati dan orang dihormati, oleh sebab degreennya tetapi adakah patut mengeluarkan perkataan yang sedih kita mendengarnya: jikalau awak tidak ada duit, jangan berniaga. Inikah attitude bank yang mendapat subsidi, grant daripada Kerajaan, Grant ini duit siapa? Duit Kerajaan duit siapa, Tuan Yang di-Pertua? Duit rakyat. Di mana Kerajaan Dapat duit? Duit rakyat. Boleh bercakap seperti ini, jikalau datang daripada duit pengarah, saya tidak bercakap hari ini saya duduk, sebab kita sebagai Senators have the right to say berkenaan dengan duit orang ramai dan duit Kerajaan. Orang semacam ini, saya fikir bukan tempatnya duduk di dalam bank yang kita orang bumiputra harap-harapkan, orang ini patut menjadi lecturer di universiti samada di Universiti Kebangsaan, atau di mana-mana dan professor pun kurang, not in the banking. Tetapi jikalau hendak namanya, saya boleh sebutkan di sini, tetapi untuk menghormati orang itu, saya tidak boleh sebutkan di sini, sebab dia bukan Ahli Senate; saya boleh beri namanya kepada pihak Menteri jikalau Menteri mahu namanya.

Saya berharap teguran-teguran saya itu dengan ikhlas, kerana saya suka jikalau hendak menjalankan keadilan, if we want to act, we must act without fear. Jikalau kita hendak jalankan keadilan, jalankan keadilan bersungguh-sungguh, kerana Bil yang kita bincangkan hari ini adalah bil yang memberi faedah bukan kepada Kerajaan sahaja bahkan kepada semua rakyat di dalam negeri ini yang ada sekarang, tiap-tiap rakyat, atau tiap-tiap penduduk ada berhubung dengan bank hari ini.

4.20 ptg.

Tuan V. V. Aboo: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Akta Bank (Pindaan) 1977.

Saya rasa peruntukan dalam Rang Undang-undang ini akan lebih menjamin pentadbiran perusahaan bank-bank perniagaan

kita. Dalam masa dahulu kita lihat satu keadaan ini di mana orang-orang desa tidak dapat meminjam wang daripada bank. Walaupun ada guarantee yang diberi di bawah CGC (Credit Guarantee Corporation). Tetapi Pengarah dan pegawai-pegawai bank dapat meluluskan pinjaman kepada diri mereka dan keluarga mereka dengan tidak ada apa-apa cagaran pun. Dalam perkara ini kita mesti juga memberi perhatian yang lebih kepada kesusahan yang dihadapi oleh peniaga-peniaga yang baharu.

Tuan Yang di-Pertua, juga di dalam mendapat pinjaman bank ramai daripada mereka tidak mendapat layanan yang sewajarnya. Bank-bank tempatan juga enggan memberi pertolongan walaupun Kerajaan telah menubuhkan Credit Guarantee Corporation untuk menjamin pinjaman-pinjaman seperti ini. Tambahan pula saya diberitahu bahawa CGC juga mengambil masa yang panjang untuk meluluskan pinjaman yang disokong itu.

Kementerian Kewangan mestilah dikehendaki mengemukakan pada tiap-tiap tahun satu laporan yang lengkap mengenai banyak dan jenis pinjaman kecil yang diberi di bawah CGC ini. Saya juga fikir Kementerian mesti mendapat satu sample survey untuk pentadbiran dan kesusahan yang dihadapi oleh pihak peniaga kecil. Saya rasa satu aspek yang sangat relevant pihak bank di dalam perkara ini adalah kerana majority pegawai-pegawai bank terdiri daripada satu kaum daripada kaum-kaum yang lain, tidak dapat simpati ataupun tidak mendapat perhatian berat daripada mereka. Kita di Malaysia mempunyai dasar bahawa pekerjaan di semua faktor mestilah mencerminkan segala kaum, tetapi di bank-bank kita lihat bahawa dasar ini tidak diberi perhatian. Ada setengah-setengah bank di Malaysia tidak mempunyai seorang kakitangan pun terdiri daripada rakyat Malaysia keturunan India. Saya harap Kementerian Kewangan dan Kementerian Buruh akan mengambil tindakan yang keras terhadap bank-bank ini. Akhirnya saya menyokong Bil ini.

4.25 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberi sokongan atas Akta Bank (Pindaan) 1977. Dan saya mengharapkan bahawa dengan peruntukan yang sedemikian yang dikehendaki oleh bank kita diluluskan di dalam Dewan

ini akan dapat mengatasi masalah-masalah yang sedang berulang dikatakan oleh rakyat yang ada urusan dengan bank dan juga sungutan-sungutan yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat rakan sejawat saya di dalam Dewan ini.

Saya cuma hendak memberi tambahan-tambahan hujjah di atas menguatkan Rang Undang-undang ini supaya diluluskan dan juga dapat memberitahu Menteri yang berkenaan ada perkara-perkara yang menurut hemat saya dapat difikir dan dikaji oleh pihak yang berkenaan.

Kita berterima kasih kepada Bank Negara kita yang telah menjalankan satu tindakan menyeluruh supaya semua bank-bank perniagaan di negeri ini mengikut dasar-dasar yang dikehendakki oleh Kerajaan tetapi walau bagaimanapun usaha dijalankan setengah-setengah bank-bank ini samada di peringkat pusat ataupun daerah masih lagi belum dapat menunaikan dan melaksanakannya.

Satu perkara sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat rakan sejawat saya, ada setengah-setengah pengarah-pengarah bank ini mendapatkan beberapa orang kakitangannya meminjam wang di bank-bank yang tertentu dengan syarat peminjam-peminjam itu bermurah hati memberi mereka itu duit kopi. Masalah ini selalu dihadapi oleh setengah-setengah peminjam-peminjam kita bila mana telah diluluskan, duit kopi ini wajib disempurnakan. Menurut hemat saya kerja ini yang dibuat oleh pengarah-pengarah bank atau pegawainya adalah menyalahgunakan dan mengambil faedah untuk diri sendiri. Kita hendak mengesan masalah ini adalah satu perkara yang amat sukar, tetapi bagi pihak yang hendak meminjam atau yang berhajatkan wang ini untuk tujuan perusahaannya tidak apalah mereka korbankan dengan duit kopi itu kepada manusia-manusia ini. Atas hendak menjaga nama baik sebuah bank ini, saya mengharap Kementerian ini dapat memberi perhatian di dalam masalah duit kopi ini dan kalau boleh Kementerian dan Bank Negara melayan rayuan-rayuan (petitions) yang telah diberikan oleh peminjam-peminjam di dalam tanahair kita ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, ada setengah-setengah Pengarah Bank ini mengesyorkan kepada kawan-kawan yang baik ataupun yang karib dengannya supaya dapat membuat satu rancangan perniagaan

dan perusahaan yang boleh meminjam duit dengan bank. Mereka memberi pengakuan atau recommend untuk mendapatkan pinjaman itu. Walhal di dalamnya Pengarah ini secara tidak langsung mendapat share kosong. Ini juga satu perkara yang saya fikir patut diperhatikan oleh Kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat rakan sejawat saya telah mengatakan berhubung dengan rancangan CGC ini memang banyak lagi disungutkan oleh peniaga-peniaga kecil kita terutama sekali bumiputra, ada setengah-setengah bank memang mencuaikan walaupun arahan telah dikeluarkan tetapi mereka terus mencuai dan merengan-rengankan permohonan pinjaman daripada ahli-ahli perniagaan kecil kita khususnya daripada bumiputra. Saya tidaklah ber-hajat hendak mengulangi ucapan Yang Berhormat Datuk Seri Hussein Noordin tadi tetapi inilah kehampaan bagi pihak bumiputra yang mencuba memasukkan dirinya di dalam bidang perniagaan dan perusahaan secara kecil yang tidak mempunyai wang tetapi peluang Kerajaan beri kepada mereka boleh meminjam wang melalui bank. Tetapi malangnya setengah Pengarah-pengarah Bank tempatan itu adalah mencuaikan dan memberikan bermacam-macam syarat, soalan-soalan yang tidak dapat dijawab oleh peminjam-peminjam bank itu. Walaupun ada pegawainya yang ditugaskan di situ di hantar pegawai bumiputra tetapi Pengurus Bank itu mengatakan bahawa ini adalah urusan pegawai penyelia itu dan tanggungjawabnya, malangnya pegawai ini juga tidak mahu menunjukkan kerjasama yang ikhlas sehingga pinjamannya itu berjaya. Keadaan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir patutlah diperhatikan oleh Kementerian ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan syarat pinjaman yang akan diluluskan, seseorang peminjam hendaklah ada penjaminnya (guarantor) samada geran dan juga dua penjamin. Saya hendak menyentuh juga walaupun telah dicakapkan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Hussein Noordin tadi patut Kementerian ini memikirkan dan mengkaji serta melonggarkan bila mana si peminjam ini tidak dapat menyempurnakan bayaran hutangnya kepada bank itu, bank ini boleh mengambil tindakan mahkamah menyaman, yang disaman itu ialah penjamin. Ini satu kesusahan yang besar, penjamin ini dengan tulus ikhlas dengan

tujuan hendak membaiki perusahaan dan hendak menolong orang-orang yang dijamin ini, tetapi malangnya dia telah dihadapkan ke mahkamah, dengan sebab peminjam ini tidak membayar wang pinjaman itu.

Tuan Yang di-Pertua, menurut himmah saya yang cetek ini, patut bank ini mengambil tindakan yang pertama sekali kepada peminjam itu, sebab peminjam itu walau mereka tidak mencagarkan pada hartanya, mereka ada harta tetap. Jadi akhirnya setelah diambil tindakan hendak mengembalikan wang bank yang dipinjam itu yang tidak dibayar atau dijelas ini dengan dilelong harta tetap mereka, barulah kita boleh mengambil tindakan kepada penjamin. Sekarang menjadi satu kesusahan terutama pada hartanya sekali bagi pihak kita Wakil-wakil Rakyat, Senator-senator ini, kami simpati dengan orang-orang yang hendak meminjam \$10,000 pada bank itu, kita beri jamin. Dan dengan kemurahan bank pula diberi pinjaman tetapi malangnya timbul bermacam-macam masalah yang dihadapi oleh bumiputra kerana gagal hendak membayar. Jadi bila gagal hendak membayar ini, saya fikir telah sampai masanya dikaji balik iaitu kita tuntutan kepada peminjam, kita lelong harta-harta yang ditetapkan pada mereka itu untuk mendapatkan wang bank itu balik, itu pandangan saya, kalau boleh dibuat.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, kita dalam negeri ini banyak mempunyai bank-bank luar negeri seperti America Bank, Hongkong and Shanghai Bank telah menjalankan perniagaan perusahaan bank ini dengan mendapat keuntungan yang besar pada tiap-tiap tahun, keuntungan ini malangnya mereka punggah balik ke negeri asalnya. Saya mengharapkan kepada Kerajaan supaya memerhatikan bahawa keuntungan-keuntungan yang mereka perolehi daripada perniagaan bank dalam negeri ini supaya diadakan sekatan ataupun dinasihatkan mereka supaya ditanamkan modalnya ke dalam negeri ini juga, dan dengan ini akan memberi faedah kepada rakyat, negara dan kepada bank itu sendiri. Ini perkara yang saya fikir patut diberikan perhatian oleh Kementerian yang berkenaan.

Satu perkara lagi sebagaimana yang telah saya katakan tadi bahawa setengah-setengah pegawai bank ini pemikirannya tidak mengikut atau tidak menyahut kehendak-kehendak Kerajaan, maka saya mengharapkan bahawa Kementerian ini patut mengadakan

satu seminar semua pengurus-pengurus bank dalam negeri ini selain daripada memberikan pandangan-pandangan dalam bahagian pengurusan, kita patut berikan pandangan kepada mereka berhubungan dengan dasar Kerajaan terhadap bank kepada rakyat dalam negeri ini. Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua saya sekali lagi memberikan sokongan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat dtempohkan selama 15 minit.

Persidangan dtempohkan pada pukul 4.35 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.55 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperkerusikan Mesyuarat*)

4.55 ptg.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, lebih-lebih awal lagi sebelum saya melanjutkan perbincangan di atas Rang Undang-undang ini, saya suka mengikut Aturan Peraturan Mesyuarat Dewan Negara 34 (7) mengisytiharkan kepentingan saya kerana saya adalah seorang Pengarah di dalam bank.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertunggu-tunggu sahabat-sahabat saya yang ada di dalam Dewan ini bercakap sebelum saya berdiri supaya mendengar apa-apa teguran yang diberi oleh mereka dan di mana yang saya boleh jawab sungguhpun ini bukan tugas saya, saya akan cuba perbetulkan kalau ada silap faham kerana kita tak mahu mengikut pepatah Melayu: kerana nila setitik rosak susu sebelanga, bukannya semua Pengarah-pengarah Bank ataupun Pegawai-pegawai Bank yang bersikap tidak jujur terhadap pekerjaannya.

Sungguhpun penceburan diri saya di dalam Profession Bank ini agak baru kalau dibandingkan dengan sahabat saya Yang Berhormat Datuk Seri Hussein Noordin, beliau telah lama menjadi Pengarah Bank lebih dahulu daripada saya, namun demikian saya anggapkan profesion bank ini adalah satu profesion yang tinggi tarafnya, boleh jadi tidak setinggi dengan profesion yang saya amali sebelum saya menjadi Pengarah Bank. Saya

sedar etika di dalam Profesion Undang-undang memang ketat kerana itu sudah menjadi etika yang telah diamali beratus-ratus tahun. Sungguhpun tak ada Undang-undang menyekatnya tetapi secara ethics maka yang mengalami Profesion Undang-undang mengerti yang perkara-perkara tak patut dibuat. Begitu juga saya harap di dalam profesion banking ini bukannya sahaja kerana ada Undang-undang yang menyekatkan tetapi juga kerana etika profesion itu sendiri.

Saya yakin dan percaya mereka yang menceburi dalam bidang ini bukannya kerana takut kepada Undang-undang yang telah ada mengenai mereka tetapi juga kerana perasaan, kerana kehormatan yang diberi kepada mereka menjadi ahli-ahli bank, tanggungjawab semula jadi yang ada di dalam tiap-tiap seorang itu. Inilah saya harap dapat dibentuk, dapat dimajukan, dapat dipupuk supaya sungguhpun tak ada apa Undang-undang tetapi dengan sendirinya mereka tahu tanggungjawab mereka. Inilah yang kita hendakkan. Serupa juga bagi profesion-profesion yang lain, doktor yang menjadi satu profesion yang dihormati dan disegani, begitu juga guru-guru, akitek, Pegawai-pegawai Pentadbir, Pegawai-pegawai Kerajaan, sungguhpun mereka telah memilih satu profesion, tetapi ada satu perkara lain yang lebih daripada itu yang saya maksudkan tadi, iaitu ethics (etika), ini yang akan mengawal mereka nanti. Saya percaya dengan tertubuhnya pada akhir tahun lepas Institiut Bank Malaysia, maka dapatlah semangat dan perasaan ini dipupuk dan dimajukan. Pada masa-masa yang akan datang mereka yang berkhidmat di dalam bank samada sebagai Pengarah, Pegawai, Kerani atau sebagai Budak Pejabat mempunyai perasaan yang saya maksudkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1973 saya bersama-sama sahabat-sahabat saya di Dewan yang mulia ini mengambil kesempatan membahas di dalam Akta Bank, 1973 dan semasa itu saya masih ingat banyak perkara-perkara yang telah saya hujahkan. Undang-undang yang dibuat pada tahun 1973 bukanlah dikatakan ketat kerana ada juga perkara-perkara yang belum lagi ketat, itulah sebabnya maka Kerajaan telah membawa pindaan kepada Akta Bank, 1973 melalui Bil yang dikemukakan di Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang penting di dalam Rang Undang-undang ini ialah berkenaan dengan Fasal 2 yang bertujuan meminda Perenggan 2, Seksyen 26 (1) (c) untuk melarang satu-satu bank daripada memberi pinjaman tak bercagar. Sebenarnya pinjaman tak bercagar ini telahpun ada di dalam seksyen yang lama: melebihi \$10 ribu kepada firma-firma dalam mana bank itu, pengarah, pegawai atau pekerja-pekerja bank itu mempunyai kepentingan sebagai kongsi, pengurus, ejen atau pengerenti. Apa yang berlaku di bawah pindaan ini ialah meluaskan undang-undang itu meliputi bukan sahaja pengarah seperti di bawah seksyen yang lama tetapi juga kepada mereka yang lebih banyak bekerja dengan bank iaitu pegawai atau pekerja bank. Kalau dahulu undang-undang ini hanya dikenakan kepada pengarah sahaja tetapi sekarang ini kita kenakan kepada pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan siapa juga yang ada kait mengait dalam pekerjaannya dengan bank. Ini patut sangat kerana kalau kita pandang daripada bilangan pengarah dalam bank tidak banyak, yang banyak ialah pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja. Ini yang ramai dan tanggungjawab mereka pun luas dan patut sangat dikenakan untuk menjamin supaya sistem banking kita adalah teratur dan boleh menjaga duit orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf tidak dapat bersetuju dengan pendapat sahabat saya Yang Berhormat Datuk Seri Hussein Noordin, sungguhpun saya masih mentah lagi dalam ilmu banking kalau dibanding dengan beliau yang mengatakan bahawa mengelola bank ini senang. Saya rasa tidak begitu senang.

Mengenai diri saya, kalau tidak dengan kerana permintaan yang khusus saya sendiri tidak mahu, tidak sanggup hendak menjadi pengarah bank. Tanggungjawab sebenarnya sebagai seorang pengarah dan sekarang ini mengikut Bil yang ada ini sebagai seorang pekerja sungguh berat. Lainlah kalau orang itu tidak mempunyai tanggungjawab tetapi bagi orang biasa yang mempunyai tanggungjawab, menjadi seorang pengarah bank bukannya satu kerja yang boleh dianggap ringan. Orang ramai menyimpan duit meletakkan kepercayaan kepada bank dan sudah tentu orang yang menjaga duit orang ramai itu mestilah seorang yang bertanggungjawab. Pada saya yang berpengalaman cetek ini yang baru menjadi pengarah bank, saya rasa

tidak begitu senang kita hendak mengelolakan bank, kalau kita hendak mengelolakan dengan baik dan dengan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menerima beberapa teguran yang dikemukakan oleh sahabat-sahabat saya di dalam Dewan ini, ada perkara-perkara betul memang kena pada tempatnya. Saya bersetuju dengan apa yang dikemukakan oleh sahabat saya Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad tadi berkenaan dengan duit kopi. Ini satu perkara yang selalu kita dengar tetapi susah hendak dibuktikannya. Beberapa kali saya minta pelanggan-pelanggan yang bersungut demikian supaya membuat laporan, kalau perlu membuat laporan secara sulit kepada saya, berkenaan dengan bank yang saya bertanggungjawab atau kepada Bank Negara atau kepada siapa juga supaya perkara ini dapat kita siasat. Ini tidak boleh kita biarkan, ini satu penyakit yang berjangkit.

Bagi saya di bawah bank yang saya bertanggungjawab, saya tidak mempunyai simpati langsung kepada sesiapa juga pegawai saya daripada atas sampai ke bawah yang melakukan perbuatan yang khianat ini dan saya minta kerjasama orang ramai, kalau berlakulah perkara semacam ini kalau kita hendak mengelakkan merebaknya penyakit lebih baik kita tolong sama-sama menghapuskannya dan cara menghapuskannya bekerjasama dengan pegawai-pegawai tinggi atau pengarah-pengarah bank ataupun Bank Negara sendiri dengan memberi laporan secara sulit. Saya tahu banyak barangkali tak sanggup membuat kerana argument yang saya selalu dengar: ialah "kalau saya beri keterangan ini saya tidak dapat pinjaman langsung". Tetapi ini penyakit yang patut kita hapuskan.

Saya tengok di negeri lain persatuan-persatuan bank ada membuat pengisytiharan berkenaan dengan perkara ini mengatakan ini adalah satu perbuatan jenayah jika pegawai bank menerima duit kopi sedemikian. Dan setiap pelanggan atau tiap-tiap orang ramai yang mengetahui perkara ini yang ada kaitan boleh melaporkan secara sulit dan kita patut juga mengamalkannya. Kalau kita tidak buat demikian mungkin perkara ini secara halus-halusan ada berlaku tetapi bagi saya, seperti saya katakan tadi hendak mendapatkan bukti itu agak susah. Kita tidak mahu menganiayakan pegawai-pegawai bank sendiri atau pekerja-pekerja bank kecuali kita mempunyai bukti yang agak sah. Bagi

orang yang hendak membuat tuduhan begitu senang, tetapi bagi hendak membuktikan dan hendak menyatakan itu agak susah, seperti juga rasuah yang berlaku di tempat-tempat lain. Inilah saya minta kerjasama orang ramai kerana bagi saya ini satu penyakit, kalau kita tidak hapuskan dan kita kekalkan, kita amalkan, kita biarkan, ini mungkin merosak institusi bank. Inilah seruan yang saya buat kepada orang ramai untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya suka sentuh di bawah pindaan yang dikemukakan di sini ialah berkenaan dengan kebenaran yang diberi kepada Bank Negara meluluskan pinjaman di bawah seksyen 26 (1) (c). Ini seperti yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi semasa mengemukakan Bil ini, memang baik. Saya sendiri telah kemukakan masaalah yang telah berlaku kerana bank-bank saudagar (merchant banks) tidak dianggap sebagai bank di bawah Akta Bank Tahun 1973. Oleh yang demikian umpamanya anak syarikat bank sendiri tidak dapat pinjam duit dari syarikat induknya. Jadi, dengan adanya pindaan ini maka bolehlah bank induk memberi pinjaman kepada anaknya sendiri. Ini satu perkara yang baik dan saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Kerajaan kerana mengemukakan pindaan itu.

Saya juga memandang bahawa hukuman-hukuman yang dikenakan mengikut bil ini dinaikkan. Itu juga saya bersetuju kerana denda-denda yang dikenakan di bawah Akta Bank, 1973 memandang kewangan pada hari ini tidaklah mencukupi dan kita hendakkan bukannya kerana denda yang tinggi untuk menakutkan tetapi perasaan tanggungjawab seperti saya katakan awal tadi, ini yang hendak kita tanamkan ke dalam bank-bank supaya pengarah-pengarahnya, pegawai-pegawainya dan pekerja-pekerjanya mengerti berapa serius, berapa berat tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka. Dan dengan itu saya sekali lagi suka mengatakan sokongan saya yang penuh terhadap Rang Undang-undang ini.

5.12 ptg.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun menyokong

Rang Undang-undang ini dan juga yang telah membuat beberapa komen serta juga cadangan-cadangan yang baik terhadap memperbaiki lagi sistem bank kita di negara ini. Saya ingin memberi penjelasan dan juga membuat komen tentang beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Pertamanya, saya bersetuju benar dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin tadi bahawa yang menentukan pada zahirnya samada sesuatu sistem itu seperti sistem bank berjalan dengan baik atau tidak ialah orang-orang yang mengendalikan institusi-institusi itu. Seperti yang kita tahu undang-undang, Akta-akta dan peraturan-peraturan serta juga pindaan-pindaan Akta yang telah dikemukakan pada hari ini hanyalah pada hakikatnya merupakan panduan-panduan asas kepada cara menjalankan satu-satu institusi ataupun satu-satu organisasi itu. Akhirnya operasi harian itulah yang menentukan samada akan menghalah kepada kebaikan atau tidak. Maka di sini perkara ethics yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin memanglah sangat penting kerana kita tahu ada kalanya bagaimana baik pun perundangan atau peraturan diadakan oleh Kerajaan, masih ada juga lagi kadang-kala "loopholes;" atau masih ada juga lagi cara bagaimana orang-orang hendak menjalankan tipu-helah ataupun hendak menjalankan "malpractice". Jadi, terpulanglah kepada orang-orang yang mengendalikan sistem bank itu sendiri mempunyai disiplin yang baik, integrity yang sepenuhnya dan juga mempunyai ethics yang kuat untuk menjadi panduan kepada operasi bank-bank di negara kita ini supaya terselamat sistem bank kita.

Saya ingin menyentuh tentang apa dikatakan oleh Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik tadi mengenai Malayan Banking dan United Malayan Banking Corporation (UMBC). Memang telah didapati beberapa perkara yang tidak menyenangkan berlaku di bank-bank ini di masa yang lepas dan pihak Kerajaan telahpun—seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, mengambil langkah-langkah tertentu, misalnya penyusunan semula di bahagian-bahagian penguasaan bank-bank tersebut; juga menentukan beberapa peraturan-peraturan perjalanannya supaya bank-bank tadi dapat pulih semula keadaannya.

Mengenai apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Hussein bin Mohd. Noordin tadi bahawa satu daripada peruntukan Rang Undang-undang ini ialah untuk menyekat pengarah supaya jangan meminjam dari bank untuk dipinjamkan semula kepada related companies di mana dia ada pengaruh ataupun ada kepentingan ini tidaklah benar. Akta ini atau pindaan kepada Akta ini tidak menyekat pengarah membuat pinjaman daripada bank tersebut. Hanya yang diuntukkan ialah bahawa tiap-tiap pinjaman yang dibuat oleh pengarah itu mestilah dibuat mengikut tata peraturan yang ada iaitu kalau diperlukan bahawa pinjaman mesti diselidiki dengan teliti, diberi hujah-hujah yang betul untuk menyokongnya, kemudian dikemukakan kepada Lembaga Pengarah Penuh maka mestilah dibuat seperti itu. Tidaklah seperti yang dipraktikkan di masa-masa yang lepas di mana ada kalanya, seperti saya katakan tadi dalam ucapan saya di mana dengan Surat Pekelilingan (Circulated Resolution) sahaja, dipersetujukan dan diluluskan pinjaman itu. Maka sekarang pinjaman yang hendak dipohon oleh pengarah itu mestilah pergi kepada Lembaga Pengarah Penuh dan tertakluk kepada semua syarat-syarat dan peraturan membuat pinjaman seperti orang-orang lain juga.

Mengenai pinjaman inter-bank, memanglah ini disedari berlaku dan Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin juga sebagai seorang banker mengakui ini berlaku. Sebenarnya pada pendapat saya tidaklah salah pengarah-pengarah membuat pinjaman daripada bank lain kalau pinjaman itu adalah *bona fide* iaitu maknanya tidaklah dibuat dengan tujuan hendak menipu-helah, pinjaman itu ada cagarannya, ada dibuat untuk tujuan-tujuan yang viable dan di mana asas-asas kuat dan betul diberikan. Maknanya tidak boleh diragui pinjaman yang dibuat itu. Rasa saya yang kita ragui di sini ialah di mana pinjaman inter-bank atau pinjaman daripada bank sendiri yang dibuat tanpa asas-asas yang teguh di mana dengan cara kalau hendak digunakan perkataan "tipu-helah" bolehlah digunakan. Sepertimana dengan cara dengan mana yang tidak sepatutnya diberi—telah diberikan juga. Itulah yang kita ragui dan itulah rasa saya yang kita sebutkan sebagai penyelewengan ataupun malpractice di dalam bank-bank kita.

Tentang samada setiap orang yang menjadi pengarah itu menjadi millionaire, saya tidaklah bersetuju. Kalau dia menjadi millionaire, dan dia menjalankan malpractice dalam bank, itu rasa saya Bank Negara mempunyai penuh kuasa untuk menjalankan dua jenis penyeliaan atau pemeriksaan. Satu ialah pemeriksaan biasa yang dijalankan dari masa ke semasa (regular inspection) di mana Bank Negara di bawah Akta Rahsia boleh meninjau seluruh bank itu dalam operasinya dan meninjau samada penyelewengan dan berlaku atau tidak, samada dalam bank itu sendiri atau related companies.

Satu lagi ialah Menteri boleh mengarahkan pemeriksaan dari masa ke semasa iaitu pemeriksaan yang berbentuk special investigation. Kalau diragukan ada satu-satu berlaku boleh diarah Bank Negara untuk menjalankan special investigation dan ini ada didapati di dalam Akta Bank (Banking Act) itu sendiri.

Yang Berhormat Datuk Seri Hussein bin Mohd. Noordin menyebutkan tentang Malay Reservation. Ini rasa saya perlu juga saya menerangkan sekali lagi—mungkin penerangan saya tempoh hari tidak begitu jelas. Yang saya maksudkan setiap Kerajaan Negeri itu terlibat ialah begini: Kalau seseorang Bumiputra mempunyai tanah Malay Reservation, ia tidak boleh pergi ke mana-mana bank sahaja di negara ini untuk mencagarkan tanahnya untuk mendapat pinjaman, kecuali bank-bank yang telahpun diberi taraf “Bumiputra” atau “Malay” oleh Kerajaan Negeri itu. Jadi, setakat ini seperti yang saya terangkan dahulu, Malayan Banking, Bank Bumiputra dan juga baru-baru ini Kerajaan telah mengiktiraf Perwira Habib Bank, adalah dianggap sebagai “Malay”. Tetapi, malangnya, tidak semua negeri-negeri di negara kita ini mengiktiraf Malayan Banking, misalnya sebagai Malay atau Bumiputra. Kalau negeri itu, misalnya saya beri contoh Perak, belum lagi mengiktiraf Malayan Banking sebagai “Melayu” atau “Bumiputra” (Malay), maka sesiapa juga yang ada tanah tidak boleh pergi kepada Malayan Banking di Perak untuk mencagarkan tanahnya. Tetapi dia boleh pergi ke negeri-negeri lain di mana negeri itu mengiktiraf bank tadi sebagai “Melayu” atau “Bumiputra” yang mana boleh diterima cagaran Malay Reservation untuk pinjaman yang diberi olehnya. Maka itulah sebabnya terlibat Kerajaan Negeri kerana yang meluluskan kebenaran hendak mengiktiraf atau

tidak mengiktiraf mana-mana bank sebagai “Melayu” atau “Bumiputra” ialah Exco Kerajaan Negeri. Jadi, itulah perkara yang mungkin saya tidak menjelaskannya dengan begitu terang pada masa yang lepas.

Tentang penyelewengan di bank-bank: Bank Negara sendiri berkuasa seperti saya katakan tadi menjalankan penyiasatan samada dengan sendirinya. Ataupun jika seperti kata Senator Kamarul Ariffin tadi ada bukti-bukti atau surat yang menyatakan ada penyelewengan berlaku, boleh dijalankan penyiasatan. Kita berkehendakkan keterangan yang menyatakan ada penyelewengan berlaku dan boleh disiasat, tetapi kalau soal tidak puas hati pegawai-pegawai tentang keadaan kerjanya, pekerja-pekerja tak dapat promotion dan sebagainya, pada dasarnya ini adalah halehwal bank itu sendiri iaitu—“internal matters” bank itu sendiri. Dan pihak Kerajaan Kementerian atau Bank Negara tidaklah hendak campur dalam hal kontrek antara majikan dengan pekerja kerana itu antara dia dengan bank itu. Tetapi, kalau perkara itu melibatkan misalnya susunan pekerja dari segi kaum tidak seimbang, ini boleh diperhatikan. Ianya melibatkan dua Kementerian, iaitu Kementerian Buruh dan Kementerian Kewangan. Kementerian Buruh mengambil perhatian, kalau keseimbangan pekerja itu tidak sesuai, tidak mengikut dasar Kerajaan, boleh kita ambil tindakan dari segi memandukan bank itu balik ke jalan yang betul. Begitu juga kalau tuduhan-tuduhan ke atas pekerja tadi tertentu (specific), misalnya victimisation dan sebagainya sungguhpun itu internal matter, tetapi kalau dibawa kepada perhatian Bank Negara, Bank Negara akan mengambil tindakan setakat mana yang boleh tanpa mencero boh ke dalam bidang kuasa pengurusan bank itu sendiri. Kita mestilah sedar bahawa bank itu adalah bertanggungjawab atas urusan rumah tangganya tersendiri sungguhpun dilesen oleh Bank Negara. Tetapi tidaklah bermakna kita tidak boleh meninjau apa yang berlaku di kalangan pekerjaannya.

Yang Berhormat Tuan V. V. Aboo telah membangkitkan soal ada juga bank yang masih lagi ragu-ragu hendak meminjamkan kepada bumiputra dan juga peminjam-peminjam kecil, sungguhpun ada Credit Guarantee Corporation, dan beliau menyatakan bahawa C.G.C. lambat untuk memproses pinjaman. Di sini inginlah saya terangkan apabila bumiputra dan juga siapa juga peminjam kecil hendak meminjam di bawah

sistem C.G.C. tidak perlu bakal peminjam tadi meminjam terus kepada C.G.C. Apa yang beliau patut buat ialah meminjam terus kepada mana-mana bank kerana bank-bank di negara kita ini adalah bergabung di dalam sekim C.G.C. tadi. Jadi yang perlu ialah ianya membuat pinjaman terus kepada bank yang biasa dihubunginya dan menyatakan bahawa pinjaman yang hendak dibuatnya itu ialah pinjaman di bawah sekim C.G.C. Kalau tidak disebut begitu maka lain pula layanan yang akan diberi iaitu dilayan seperti pinjaman biasa sahaja dan tidak di bawah C.G.C. Namun demikian, C.G.C. juga ada menerima, permohonan-permohonan terus kepadanya dan jika ada yang terus pergi kepada C.G.C. memang C.G.C. mengambil tindakan memproses dan kemudian akan menyambungkan atau merujuk permohonan tadi kepada bank-bank tertentu. Jadi itulah yang berlaku.

Tentang ada bank-bank masih enggan ataupun seperti kata Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik tadi tidak memenuhi syarat-syarat dan peraturan, saya akui memang perangkaan-perangkaan menunjukkan bahawa masih ada juga bank-bank yang tidak mencapai perangkaan ataupun had yang ditentukan sebagai panduan untuk pinjaman-pinjaman yang ditegaskan oleh Bank Negara. Iaitu ada kalanya didapati setengah bank-bank memberi pinjaman kepada golongan bumiputra tidak seperti yang disyaratkan atau yang ditetapkan. Maka jumlah pinjaman kepada bumiputra masih belum tercapai. Tetapi di sini tidak ada makna kita berdiam diri kerana sentiasa diawasi mengapa tidak tercapai sasaran-sasaran itu dan bank-bank diminta memberi maklumat-maklumat itu kepada Bank Negara, misalnya untuk diketahui apakah masalah yang mereka hadapi hingga tidak mencapai target atau berlakunya kegagalan tadi.

Tentang praktik-praktik menerima komisyen dan sebagainya, saya ulangi apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin tadi, iaitu berilah tahu kepada pihak-pihak berkenaan. Kita tahu ini berlaku, iaitu perkara kurang disiplin, dan kurang integrity. Kalau kita hendakkan sesuatu itu ada orang yang sanggup hendak memberi imbohan. Begitu juga orang yang menerima komisyen tadi. Ada juga orang kalau hendak pinjaman, dia sanggup memberi komisyen, tetapi kalau tepuk tangan sebelah tak jadi. Jadi kedua-dua belah terlibat. Maka saya inginlah menyatakan

bukanlah senang diselesaikan masalah ini. Mungkin ada yang sanggup merepot kerana dia sudah memberinya, tetapi yang enggan kerana kalau dia sudah memberi, dia juga terlibat sebagai pemberinya. Saya rasa itu terpulanglah kepada kita bersama-sama menjamin kebersihan sistem bank, kerana kita tahu ramai daripada kita, kalau tidak semua adalah peminjam dan bakal peminjam. Jadi kita sendiri mengawasinya samada kita hendak pinjam melalui "pintu belakang", dan sebagainya. Seperti kata Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik, itu terpulang kepada kita, kalau kita merasakan kita bertanggungjawab untuk sama-sama menjaga sistem bank ini supaya jangan menyeleweng, maka kita janganlah takut pula menjalankan peranan kita untuk memberitahu orang-orang yang bertugas dalam bank itu siapa yang menjalankan penyelewengan kerana mereka tidak boleh seperti saya katakan tadi bertepuk tangan sebelah.

Perkara yang dibangkitkan mengenai bank-bank asing membawa keluar keuntungan, di sini adalah dasar Kerajaan kita tidak menyekat pembawaan keluar modal atau untung yang dibuat oleh mana juga syarikat atau organisasi yang berniaga di sini kerana kita berpendapat bahawa kalau mereka mendapat untung daripada sini adalah bebas dibawa keluar. Tetapi tidak bermakna bahawa kita berbuat demikian dengan menutup mata kerana kita tahu selagi kita dapat memberikan jaminan bahawa peluang pelaburan semula dan juga peluang untuk memperluaskan aktiviti mereka di sini ada, maka rasa saya dengan tidak ragu-ragu lagi bank-bank asing itu atau mana-mana juga firma-firma asing akan meninggalkan sebahagian daripada untung mereka itu dilaburkan semula di negara kita. Iaitu selagi "investment climate" kita baik, rasa saya selagi ada potensi untuk mereka membuat "reinvestment", dan diharap dengan "reinvestment" itu mendatangkan pulangan yang baik kepada mereka maka mereka tidak akan membawa keluar untung dengan cara yang begitu besar-besaran sehingga menjadi keraguan kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, rasa saya meninjau kepada perangkaan, maafkan saya pada hari ini kerana saya tidak ada membawa perangkaan, tetapi kita dapati bahawa pembawaan keluar untung oleh bank-bank asing tidaklah pada takat yang meragukan kita. Ini adalah pada jumlah yang agak "normal" sahaja

dari bulan ke bulan, dari tahun ke tahun. Dan memang dijangka, kalau kita sekalipun berniaga di luar negeri, kalau tidak dibenarkan membawa balik keuntungan kita, kita akan keciwa. Misalnya Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik pergi berniaga di Jakarta (Indonesia) dan Kerajaan di sana tidak membenarkan Yang Berhormat bawa balik untung ke Malaysia, Yang Berhormat akan berkata apa guna dia berniaga di sana. Ini adalah pragmatik perniagaan. Kita hendakkan nikmat keuntungan itu. Kalau Kerajaan Indonesia sekat misalnya keuntungan itu, jangan dibawa balik satu sen pun untung atas modalnya, apa akan jadi? Peniaga-peniaga akan lari keluar menutup perniagaan sertamerta kerana peluang menikmati keuntungan sudah hilang. Begitu juga Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik akan keluar daripada berniaga di Jakarta, dia tidak akan mahu terus berniaga di situ. Apa guna dia masuk berniaga di situ? Begitu juga kita "apply" logic itu kepada kita di sini. Iaitu pertimbangan kita ialah dasar Kerajaan kita mesti pragmatik. Tetapi kita jangan biarkan begitu sahaja. Kita sediakan peluang-peluang "reinvestment" secara mudah supaya kita tarik dia dengan memberi dorongan melabur semula. Ini bukan sahaja untuk bank-bank tetapi juga untuk firma-firma asing yang lain, begitu juga strateji kita gunakan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja yang hendak saya beri komen atas apa yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi. Tentang perkara-perkara lain, saya akan bawa kepada perhatian pihak Kementerian, misalnya seperti independent valuation yang disyorkan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Hussein Noordin tadi. Juga tentang cadangan supaya mengadakan "nominee bank" atau organisasi untuk membeli balik ataupun untuk mengumpul semua harta-harta yang telah dicagarkan oleh Bumiputra yang tak dapat dibayar balik pinjamannya, saya akan bawa ke perhatian Kementerian dan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja, saya ucapkan terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masaalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masaalah ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperkerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.30 ptg.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang Akta Pencen (Pindaan), 1977, dibacakan bagi kali kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk melaksanakan secara kuatkuasa Undang-undang beberapa perubahan kepada sekim faedah-faedah tamat perkhidmatan bagi pekerja-pekerja dalam perkhidmatan awam yang telah membuat opsyen untuk setujuterima tanggagaji dan syarat-syarat perkhidmatan baru berdasarkan kepada syor-syor di dalam Lapuran Jawatankuasa Kabinet.

Sebagaimana Dewan yang mulia ini maklum, Kerajaan telahpun melaksanakan mulai 1hb Julai, 1977, Tanggagaji Bersih Baru dan Syarat-syarat Perkhidmatan Baru Lapuran Jawatankuasa Kabinet dengan kuatkuasa kepada pekerja-pekerja dalam perkhidmatan awam yang telah memulangkan kertas opsyen setujuterima skim baru itu dengan tarikh kuatkuasa bermula daripada 1hb Januari, 1976 atau tarikh lantikan selepas tarikh itu. Faedah-faedah tamat perkhidmatan

seperti ganjaran dan pencen menggunakan faktor-faktor yang baru dan lain-lain belum dapat dilaksanakan disebabkan ketiadaan Undang-undang yang membolehkan perlaksanaannya. Sehingga satu Undang-undang yang dimaksudkan diluluskan, Kerajaan terus membuat pembayaran pencen dan lain-lain faedah tamat perkhidmatan berdasarkan Undang-undang Pencen dan Tanggagaji lama. Kerajaan sedar bahawa hal keadaan yang begini menimbulkan kegelisahan di kalangan pegawai Kerajaan yang telah bersara semenjak 1hb Januari, 1976. Usaha bagi memperkemas pindaan kepada Undang-undang Pencen ini telah diuruskan untuk menyejajarkan pemberian faedah-faedah tamat perkhidmatan berdasarkan Tanggagaji Bersih Baru Lapuran Jawatankuasa Kabinet.

Tuan Yang di-Pertua, penyemakan Tanggagaji bagi kakitangan Kerajaan yang dilaksanakan baru-baru ini adalah juga membaiki faedah-faedah tamat perkhidmatan. Perubahan-perubahan yang dibuat bukan sahaja untuk faedah kakitangan yang bersara, jaminan juga diberikan kepada orang-orang tanggungan kepada kakitangan Kerajaan. Antara faedah itu, yang besar ialah seperti berikut:

- (a) pemulihan faktor pencen daripada 1/800 kepada 1/600 semula dengan pemisahan kiraan ganjaran daripada pencen. Sebagai tambahan kepada pencen kakitangan Kerajaan yang bersara diberi ganjaran atas kadar 5% daripada gaji akhir yang dikalikan dengan jumlah bulan dalam tempoh perkhidmatan. Faedah ini adalah sama dengan faedah yang didapati oleh pesara-pesara daripada Badan-badan Berkanun atau Kuasa-kuasa Tempatan;
- (b) Tempoh dalam perkhidmatan sebelum seseorang kakitangan tetap diberi taraf berpencen adalah diubah daripada tiga tahun kepada 10 tahun. Pindaan ini pun bertujuan menyamakan peraturan di kalangan pekerja dalam sektor awam.
- (c) Dalam tempoh 10 tahun permulaan perkhidmatan seseorang pekerja dikehendaki mencajarkan ke Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atas kadar yang ditetapkan oleh undang-undang (sekarang ini ialah 6% daripada gaji bulanan), sebelum diberi taraf pencen. Dalam tempoh 10 tahun itu, Majikan,

iaitu Kerajaan akan menokok caruman tersebut sebanyak 10% lagi daripada gaji bulanan tiap-tiap pencajuran;

- (d) Pekerja-pekerja tetap yang meninggal dunia sebelum sempat diberi taraf berpencen akan dianggap seolah-olah telah mendapat taraf berpencen, walaupun tempoh perkhidmatannya belum cukup 10 tahun. Orang-orang tanggungan pekerja itu akan layak ditimbangkan untuk mendapat pencen bulanan sekurang-kurangnya 1/5 daripada gaji akhir bagi tempoh yang tidak lebih daripada 12½ tahun. Ganjaran juga akan diberikan mengikut kadar yang disebutkan tadi; dan
- (e) Sebelum ini hanya tempoh perkhidmatan dalam perkhidmatan awam Kerajaan supaya yang boleh diambil kira untuk perkiraan jumlah pencen yang dibayar. Di bawah Sekim Tanggagaji Bersih Baru, tempoh-tempoh perkhidmatan dengan mana-mana Badan Berkanun atau Kuasa-kuasa Tempatan, bahkan juga tempoh perkhidmatan dengan Kerajaan dalam Pemerintahan Jepun pun boleh dicantumkan dengan tempoh perkhidmatan dalam perkhidmatan awam untuk pengiraan pencen dan ganjaran.

Tuan Yang di-Pertua, pembayaran pencen adalah dipertanggungjawabkan ke atas "charged expenditure". Oleh yang demikian itu, maka perlulah dipinda segera Undang-undang berkenaan untuk mendapatkan kuasa yang membolehkan Kerajaan melaksanakan keputusan-keputusan yang telah dibuat mengenai faedah-faedah tamat perkhidmatan seperti yang diterangkan itu. Pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini adalah untuk menjamin faedah-faedah yang patut diterima oleh pesara-pesara dan orang-orang tanggungan mereka yang telah meninggal dunia. Di samping itu, kesempatan juga diambil memasukkan dalam Rang Undang-undang ini cadangan-cadangan membetul atau mengubahsuai beberapa peruntukan-peruntukan yang tidak lagi sesuai dipakai di bawah Tanggagaji Bersih Baru Lapuran Jawatankuasa Kabinet.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menyatakan bahawa pembaikan-pembaikan terhadap faedah tamat perkhidmatan seperti yang diterangkan sebentar tadi adalah sebagai tanda penghargaan Kerajaan terhadap

khidmat yang taat setia, yang diberikan oleh sekalian kakitangan. Dengan itu adalah diharapkan semua kakitangan Kerajaan akan sentiasa tekun dan bersungguh-sungguh menjalankan tugas masing-masing untuk melaksanakan dasar dan matlamat Kerajaan, semoga semua rakyat mengesap kebahagiaan dan kemakmuran.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Pencen 1951 dibaca bagi kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas.

5.39 ptg.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang pada petang ini membahaskan Bil ini yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Menteri baru sebentar tadi. Sesungguhnya saya mengalu-alukan Bil ini dibawa ke Dewan ini dan diluluskan kerana tujuan Bil ini adalah sangat baik dan namanya begitu bagus kepada Kerajaan kita kerana membuat peruntukan dalam Bil ini bagi membolehkan pesara-pesara mendapat pencen dengan gaji baru, mengikut Lapuran Jawatankuasa Kabinet yang bermula pada 1-1-1976 dan faktor pencen telah membesarkan daripada 1/800 kepada 1/600. Ini bererti pesara-pesara akan mendapat ganjaran yang lebih dan pencen yang lebih.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengatakan bahawa saya menyokong Bil ini dan cara ini sangat baik sebagaimana yang saya katakan mula-mula tadi, sekiranya menunjukkan penghargaan Kerajaan kepada kakitangan Kerajaan yang bersara, yang telah berkhidmat dengan baik dan kalau sekiranya mereka meninggal dunia, tanggungan-tanggungan yang tinggal telah diperuntukkan juga bagi mendapat saraan dalam masa anak-anak masih kecil atau isteri-isteri yang masih menanggung bebanan membolehkan sehingga 12½ tahun pencen dan ini satu cara yang sangat baik yang saya fikir Kerajaan nampaknya jujur kepada kakitangannya. Satu perkara yang saya minta pertimbangan oleh Kerajaan

bahawa negara kita sekarang ini adalah mengandungi pesara dalam dua kategori: iaitu satu pesara yang berpencen sebelum 1-1-1976 maknanya bersara pada atau sebelum 31-12-75 dan satu lagi ialah mereka yang bersara mulai 1-1-1976 hingga sekarang ini. Jadi nampaknya sekarang pesara-pesara kita terbahagi dua. Bukan sahaja dapat dibahagi dua (dua kategori).

Saya merayu dan mengharapkan Kerajaan dapat menimbang persaraan yang sebelum 1-1-1976 yakni mereka yang akhir persaraannya pada 31-12-1975. Kalau hendak dikira orang yang berjasa ataupun penghargaan mereka itu pun ada mempunyai jasa kepada Kerajaan. Kerana nasib, kerana umur, mereka mesti bersara maka bersaralah mereka itu lebih dahulu tetapi bukan sekali-kali mereka tidak suka berkhidmat lagi sebaliknya had umur persaraan sudah sampai dan ini sudah menjadi lumrah alam.

Sekarang ini Kerajaan memberi penghargaan kepada pesara-pesara selepas 31-1-1976; apakah Kerajaan tidak boleh memberi satu penghargaan kepada pesara-pesara yang lama yang berakhir pada 31-12-1975? Perkara yang mereka minta cuma membesarkan faktor pencen sahaja—disamakan dengan semua pesara-pesara dalam negara kita ini. Kalau dikira daripada segi kewangan ianya melibatkan berjuta-juta ringgit tetapi kita mestilah memikirkan bahawa mereka telah menetapkan suatu asas yang baik dalam pentadbiran Kerajaan dalam membangunkan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sejak dari mula kita merdeka pada 31hb Ogos, 1957, mereka melalui juga Rancangan Malaysia Pertama Kedua dan beberapa rancangan Kerajaan lagi dan mereka juga menggunakan sepenuh tenaga, sepenuh hati, sepenuh fikiran bagi menjayakan rancangan pembangunan negara kita yang merdeka ini. Maka pada saya, faktor pencen yang diperbesarkan kepada pesara-pesara yang ada ini manakala yang lama itu tinggal macam yang lama juga, saya rasa ini tidak bijak. Menaikan wang sara mereka dengan tidak menyentuh faktor pencen yang dibesarkan daripada 1/800 kepada 1/600 sebagaimana yang dicadangkan mengikut Bil ini, semua pesara-pesara dalam negara kita akan berterima kasih sebab nasib mereka dapat tambahan gaji.

Negara kita sekarang dalam keadaan darurat. Kita diancam oleh kominis. Keadaan harga barang-barang sekarang ini meningkat naik daripada sehari ke sehari, jadi seolah-olah Kerajaan tidak nampak kepada pesara-pesara yang berkhidmat dahulu sedangkan mereka juga telah menjalankan perkhidmatan yang cemerlang di dalam negara kita. Saya tidak payah sebutkan secara detail, kerana Dewan ini sendiri sedia maklum, membina sesebuah negara bukanlah kerja seorang berdua tetapi ialah kerja yang dilakukan oleh rakyat seluruhnya, maka baharulah negara itu akan menjadi maju, harum namanya, mewah keadaannya, maka tugas mereka itu juga ada dalam pembangunan negara kita. Tetapi dengan adanya Undang-undang ini maka tercerailah pesara-pesara yang bersara sebelum 1-1-1976 dengan kakitangan Kerajaan yang bersara selepas 1-1-1976.

Saya sedar, Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang akan diberi oleh Yang Berhormat Menteri perkara ini akan ditimbang oleh Kerajaan dan itulah jawapan yang biasa Yang Berhormat Menteri menjawab apabila menjawab satu-satu pandangan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan sekiranya beliau enggan berterus terang. Orang pesara boleh mengatakan Kerajaan membuat diskriminasi kepada rakyatnya sendiri. Mereka boleh meruntuhkan negeri dan Kerajaan.

Saya sedar, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya menyuarakan pesara-pesara yang bersara sebelum 1-1-1976, kalau faktor pencen tidak dibetulkan, mereka tidak akan berpuas hati. Orang ini sudah tua-tua belaka, mempunyai tanggungan dan tidak lama lagi setengah-setengahnya itu akan menemui hari yang lain dan saya berharap kepada Kerajaan yang penuh keadilan supaya perkara ini ditimbang.

Tuan Yang di-Pertua, saya menjunjung tinggi atas pandangan Kerajaan iaitu mereka yang berkhidmat dalam badan-badan berkanun dan Kerajaan Tempatan juga disamakan dengan kakitangan Kerajaan yang lain-lain. Saya fikir ini adalah satu langkah yang cukup baik dan saya mengalu-alukan langkah Kerajaan itu tetapi walau bagaimanapun, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri, agar Kerajaan akan menimbang sepiuh keadilan supaya

faktor pencen kepada pesara-pesara yang dahulu itu hendaklah disamakan dengan faktor pencen kepada pesara-pesara yang sekarang ini. Dengan jalan demikian, mudah-mudahan akan timbullah kasih sayang rakyat negeri ini kepada Kerajaan yang adil sebagaimana yang kita ada pada hari ini, Saya berdoa mudah-mudahan Kerajaan akan diberi inayah oleh Tuhan, dibukakan pintu hatinya mudah-mudahan mendapat taufik dan hidayah.

5.45 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:
Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Rang Undang-undang ini.

Saya ingat di negeri-negeri sebelah Asia ini tidak ada satu Kerajaan yang lebih murah hati daripada Kerajaan Malaysia melayan kakitangan Kerajaan samada berkenaan dengan gaji ataupun pencen. Jadi dengan sebab itu Kerajaan Malaysia adalah satu Kerajaan yang bertanggungjawab kepada kakitangannya yang berkhidmat di dalam perkhidmatan Kerajaan, Tetapi kakitangan Kerajaan, mestilah tunjukkan betul-betul yang mereka ini berkhidmat bukan kerana taat setia kepada seorang Menteri tetapi pegawai-pegawai Kerajaan mestilah ingat iaitu mereka ini bekerja untuk rakyat sematamata.

Cuba tengok, bukan semuanya pegawai Kerajaan—kebanyakannya, katalah Pegawai Daerah, jikalau orang kampung hendak berjumpa dengannya sangatlah susah. Orang kampung hendak berjumpa dengan Pegawai Kerajaan bukan kerana hendak tengok mukanya cantik. Dia pergi oleh kerana ada keperluannya. Juga kalau orang kampung pergi ke hospital bukan menengokkan doktor itu, atau hendak melawat doktor itu tetapi kerana dia sakit. Dengan sebab itu mereka ini berjumpa dengan doktor, dapat sebotol ubat, balik ke rumahnya. Dengan sebab itu, saya berterima kasih kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang bertanggungjawab kepada negara dan bangsanya, kepada orang-orang Malaysia keseluruhannya, kalau kita pergi ke Kementerian-kementerian, banyak sangat pegawai-pegawai Kerajaan yang tidak ambil peduli apa orang itu hendak, banyak di antaranya. Saya ingat Yang Berhormat Senator-senator juga, kalau tidak pun 70%, 60% menyokong saya di atas perkara ini.

Ini adalah pengaduan-pengaduan yang datang dan Senator-senator juga telah pergi berjumpa dengan orang-orang ini, layanan-layanan yang tidak begitu baik diberi kepada rakyat. Dengan sebab itu Kerajaan kita pada hari ini sungguhpun banyak orang mengatakan begitu dan begini tetapi Kerajaan pada hari ini memberi layanan yang begitu baik kepada pegawai-pegawai bukan kerana ada Labour Union, ada badan yang melawan Kerajaan, bukan itu. Kalau hendak dikatakan begitu Kerajaan pun ada senjata, banyak boleh melawan dengan senjata, boleh melawan dengan itu dan ini, tetapi kerana Kerajaan bersimpati sangat kepada pegawai-pegawai Kerajaan. Apa sebabnya? Jangan pegawai-pegawai Kerajaan ini menyeleweng nanti, corruption seperti jiran kita banyak korupsi, oleh kerana pembayaran gaji mereka murah sangat, oleh sebab tidak ada jalan lain, anak kalau dapat minum susu, kalau dapur tidak berasap, tidak usahkan korupsi, lebih daripada korupsi pun dibuat. Tetapi Kerajaan kita membayar gaji \$750 sebulan kepada siswazah yang lulus universiti dan kalau selepas 10 tahun bekerja dalam Division I mereka dapat pergi belayar keluar negeri dengan tambang percuma, naik keretapi percuma, rumah percuma dan sebagainya. Ini adalah layanan-layanan yang diberi oleh Kerajaan kita yang menasabah sekali. Layanan yang diberi ini oleh kerana duit gaji ini adalah datangnya daripada rakyat, pencen ini pun datang daripada rakyat dan rakyat berkehendakkan pegawai-pegawai Kerajaan memberi kerjasama dan apabila rakyat berkehendakkan sesuatu maka kemahuan rakyat itu hendaklah dilayan dengan baik sekali.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Datuk Abdul Razak Husain mengatakan bahawa pencen ini ada dua kategori. Pada pendapat saya ada tiga kategori: satu kategori yang dapat 1-1-1976; satu yang 31-12-1975; dan yang satu lagi yang sudah lama yang gajinya pada masa dulu entah berapa sen sahaja. Yang tiga kategori ini mesti ditengokkan, sebab Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Razak tadi berkata mereka juga berkhidmat kepada negara ini sebelum merdeka dan sesudah merdeka. Ini patutlah sangat ditengokkan oleh Kementerian yang bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, kalau Badan-badan Berkanun akan mendapat pencen dan sebagainya, sepatutnya pekerja-pekerja di

kilang-kilang, di estet-estet dan juga di lain-lain tempat yang bergaji bukan gaji hari tetapi yang bergaji tetap, mesti juga mendapat pencen, bukan sahaja Kerajaan bertanggungjawab untuk memberi pencen tetapi duit yang dipungut oleh EPF tadi dilonggokkan, kemudian diberi pencen mereka, bukan dengan cara EPF tadi tetapi dengan satu jalan lain, cara lain supaya orang ini juga bekerja untuk Kerajaan sungguhpun bekerja di factory atau sebagainya tetapi duit ada dipungut di EPF (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja) dan ini boleh diberi pencen kepada mereka. Ini saya minta Kerajaan menengokkan supaya pekerja-pekerja ini juga mendapat layanan seperti pekerja-pekerja dalam Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap Kerajaan akan memberi layanan yang baik kepada pegawai-pegawainya dan pegawai-pegawai itu mestilah membalas budi Kerajaan dan rakyat supaya memberi perkhidmatan yang dikehendaki oleh rakyat.

6.02 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Bill ini. Pada hari ini saya sangat suka hati kerana banyak pesara-pesara datang jumpa kepada saya bertanya perkara ini. Saya kata sabarlah. Jadi, hari ini kita sudah bawa Bill dan saya menyokong Bill ini.

Satu perkara lagi, mereka yang banyak datang ialah orang yang dibangkitkan oleh Datuk Abdul Razak, iaitu mereka yang sudah pencen lama. Jadi, saya menyokong perkara itu. Jadi, saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri yang membawa usul ini menyampaikan kepada Perdana Menteri supaya tolonglah pesara-pesara yang lama ini.

Tuan Yang di-Pertua, banyak rakyat Malaysia yang telah kita lupakan, rakyat Malaysia yang sudah bekerja dengan askar British iaitu "local enlisted personnel". Mereka ini orang saya, yang telah bertugas di dalam British Army semasa British Army berada di sini sehingga tahun 1970. Sudah berkali-kali askar-askar kita, naik gaji. Bekas askar dapat pula tambahan tetapi bekas askar-askar yang bertugas dengan British Army ini, tidak mendapat apa-apa. Jadi, pada hari ini saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri yang membawa usul ini menyampaikan kepada Y.A.B. Perdana Menteri kita

supaya beliau berhubung dengan British High Commission, yang ada di sini supaya bekas-bekas askar ini dapat tambahan pencen mereka dari Kerajaan British di London.

Pada masa saya berada di London, saya ada pergi ke War Office dan menimbulkan perkara ini. Pihak War Office berkata kepada saya kalau Malaysian Army dapat tambahan, pihak British Army sanggup memberi tambahan dengan syarat ada perundingan Perdana Menteri kita dengan British High Commissioner di sini.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan mereka adalah terdiri daripada bekas-bekas perajurit Malaysia adalah ahli kami, jadi perlu Kerajaan menolong mereka kerana mereka telah berjuang dalam hutan bersama dengan askar British menghancurkan komunis daripada tahun 1948-1960 selama 12 tahun. Banyak daripada mereka terkorban tetapi Kerajaan tidak mengenang jasa mereka. Askar-askar kita baharu sahaja mengambil alih pada tahun 1961 yang mana komunis-komunis ini telah surrender dan sekarang ini baru komunis mengacau semula.

Tuan Yang di-Pertua, inilah sahaja pandangan dan saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri yang membawa usul ini menyampaikan kepada Perdana Menteri supaya membela nasib orang-orang kita yang ada tidak kurang 3,000 orang.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Bil ini.

6.05 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberi sokongan yang kuat permintaan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bagi meluluskan Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita.

Saya tidak berhajat memberi perhatian yang banyak dan mudah-mudahan pada hari ini kita dapat meluluskan dua Rang Undang-undang sahaja.

Yang pertama, bagi pihak negara memang sentiasa menghargai kakitangan Kerajaan yang telah memberikan khidmat di dalam negeri ini dan tiap-tiap tahun kita mengeluarkan peruntukan yang tertentu daripada hasil negara selain daripada membayar gaji kakitangan Kerajaan dan memberi peruntukan

yang cukup kepada kakitangan Kerajaan yang bersara dalam negeri ini. Sebagaimana kata Yang Berhormat Menteri tadi ini adalah satu penghargaan negara kepada kakitangan Kerajaan. Sekarang telah diluaskan termasuk badan-badan berkanun dan kuasa-kuasa tempatan. Ini saya memikirkan bahawa Kerajaan adalah bertanggungjawab kepada anggota-anggotanya termasuk badan-badan berkanun dan kuasa-kuasa tempatan, cuma saya merayu kepada kakitangan Kerajaan dan kepada pihak yang berkenaan supaya dapat menstabilkan ganjaran yang diberi oleh negara kepada mereka dengan khidmat yang diberi kepada negara ini dan pihak negara memberikan upahan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, tadi telah dibangkitkan oleh rakan sejawat saya Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik dalam perkara ini, bahawa memang masih ada lagi sungutan rakyat, tidak puashati rakyat terhadap layanan setengah-setengah kakitangan Kerajaan samada di peringkat negeri, peringkat pusat, daerah dan termasuk badan-badan berkanun dan kuasa-kuasa tempatan. Pihak Kerajaan memang ada satu Majlis Tindakan Tatatertib berhubung dengan kakitangan Kerajaan yang mencuaikan tugasnya yang telah menerima upahan daripada peruntukan negara yang hasil titik peluhnya yang didapati daripada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang patut saya bangkitkan walaupun masaalah ini pernah dikatakan tetapi ini satu ingatan kepada Kerajaan iaitu kegelisahan pesara-pesara kita pada mendapatkan ganjaran dan pencen adalah terlalu lambat. Walaupun Kerajaan telah berkali-kali membuat susunan dan tindakan tetapi kesannya tidak begitu memuaskan, belum memuaskan. Sebaliknya kita dengar pesara-pesara kita yang berhak menerima ganjaran dan pencen, sampai tiga empat tahun baru mereka terima.

Perkara semacam ini patut Kerajaan buat kajian, satu sistem berhubung dengan pembayaran ganjaran dan pencen supaya dapat disegerakan kepada mereka yang telah hilang mata pencariannya dengan sebab tamatnya perkhidmatan mereka. Ini satu perkara yang penting. Kalau dahulu kita menghargai tenaga mereka, kita teruskan, kita laksanakan, kerana mereka bukan sahaja mempunyai tanggungjawab kepada diri dan isterinya mereka juga ada mempunyai tanggungjawab kepada anak-anak dan keluarganya. Dan mereka tidak

merasai nikmat yang telah diterima sebagai kakitangan Kerajaan sebelumnya mereka bersara. Perkara semacam ini patutlah diperhatikan dengan sepenuhnya oleh Kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya kurang arif dalam meneliti Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini, mudah-mudahan dengan kemurahan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ini dapat memberikan huraian di Dewan yang mulia ini tiga perkara mengenai pesara yang saya sebutkan ini.

Pertama sekali di mana takluknya dan kaedahnya yang mereka dapat iaitu pesara-pesara Ahli-ahli Dewan Rakyat, Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri. Kedudukan ini patut juga diperhatikan oleh Kerajaan, apa yang disebutkan tadi pegawai-pegawai yang berkenaan, tetapi kami ahli-ahli politik yang bersara ini termasuk juga Tuan Yang di-Pertua kelak di mana kedudukan pesaraan yang akan diperolehi dalam peruntukan Rang Undang-undang ini.

Yang kedua, pesara-pesara kita daripada anggota-anggota Polis dan Angkatan Tentera adakah tertakluk peruntukannya dalam Rang Undang-undang ini. Apa salahnya disekalikan peruntukan pesaraan ini kepada anggota-anggota Polis dan pasukan Tentera kita yang mana wang ini juga dialirkan daripada Perbendaharaan negara ini dan dengan keadaan ini dapatlah bagi pihak yang berkenaan itu mengikuti perkembangan berhubung dengan pesaraan mereka daripada masa ke semasa.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, dalam masaalah pesara ini juga oleh sebab kita melihat pada saat-saat yang akhir ini ramai kakitangan Kerajaan kita yang bertaraf professional suka hendak mengalih mata pencarian hidupnya daripada berkhidmat dengan Kerajaan, mereka suka memasuki lapangan perindustrian dan perniagaan. Oleh itu, saya fikir Kerajaan patut memberikan kelonggaran kepada mereka dan diberi hak kepada mereka yang berumur 45 tahun supaya dia boleh bersara. Dengan mengikut peluang ini mereka boleh dapat hak pesaraan, boleh bekerja dengan swasta, firma, dengan kilang-kilang dan bagi pihak negara pula dapat mengambil pelajar-pelajar kita yang keluar daripada pusat-pusat pengajian tinggi yang kian hari kian ramai dan dengan ini keadaan negara kita akan dapat seimbang bahawa bukan

sahaja kakitangan professional itu mengisi dalam Jabatan Kerajaan, tetapi mereka berhak dan berpeluang mengisi dalam jabatan-jabatan swasta, firma sebagaimana yang saya sebutkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memberi sokongan terhadap Rang Undang-undang ini.

6.14 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang memberi teguran-teguran dan juga sokongan kuat di atas Rang Undang-undang ini. Saya hendak memberi sedikit sebanyak penjelasan tentang beberapa soalan yang telah dibangkitkan dalam perbahasan ini.

Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Razak telahpun mengingatkan kepada Kerajaan bahawa ada dua kategori pesara. Satu pesara yang telah menerima tanggagaji bersih baru yang disyorkan oleh Jawatankuasa Kabinet dan satu golongan lagi pesara yang telah bersara di bawah Perkhidmatan Awam dahulu yang tertakluk kepada syarat-syarat di bawah Lapuran Suruhanjaya Gaji Suffian di mana pension factornya ialah 1/800, saya tidak akan memberi satu jawapan bahawa perkara ini akan ditimbangkan, oleh kerana sebagai seorang ahli dalam Jawatankuasa Kabinet perkara ini sudahpun ditimbangkan dalam Jawatankuasa Kabinet dan syor-syor tertentu sudahpun dikemukakan kepada Kerajaan dan pada dasarnya Kerajaan sudah menerima syor-syor Jawatankuasa Kabinet, kerana pesara-pesara itu yang bersara di bawah sekim Suruhanjaya Suffian di mana pension factornya ialah 1/800 patut diberi satu kenaikan kadar pencen mereka. Apa yang menjadi masaalah ialah samada patut Kerajaan mengira semula semua kertas-kertas pencen mereka yang terlibat ataupun memberi satu kadar kenaikan elaun sahaja kepada semua pesara yang terlibat. Jikalau kita hendak mengkaji semua kertas pencen golongan itu barangkali boleh melambatkan proses pembayaran pencen kepada pesara-pesara yang berkenaan, oleh kerana Bahagian Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam cuma ada kakitangan yang mencukupi untuk memproses kertas-kertas pencen untuk kakitangan yang akan bersara. Ada baiknya jikalau Kerajaan mengambil keputusan untuk

memberi satu tambahan kepada pesara-pesara tanpa dikira semula kertas pencen mereka itu, satu keputusan muktamad akan diumumkan tidak berapa lama lagi tentang hal ini. Soal duit bukanlah menjadi halangan dalam hal ini oleh kerana Kerajaan sedar bahawa pesara-pesara ini juga memberi perkhidmatan yang memuaskan kepada Kerajaan, dan mereka patut diberi satu layanan yang adil dan anomali yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu patut dibereskan.

Apa yang melambatkan perkara ini ialah oleh kerana Jabatan Perkhidmatan Awam sekarang ini mengkaji cara untuk membuat pembayaran pencen kepada golongan itu yang telah bersara sebelum 1hb Januari, 1976. Ada satu golongan lagi yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Razak yang mengatakan third category, iaitu pesara-pesara lama yang tidak menikmati gaji-gaji baru yang disyorkan oleh Lapuran Suffian ataupun Lapuran Jawatankuasa Kabinet yang baru. Memang pesara-pesara itu yang mendapat pencen di bawah \$500 sebulan mendapat elaun Bantuan Khas dan Kerajaan juga sedar bahawa kategori yang ketiga ini patut dikaji juga oleh kerana ada kebanyakan mereka mendapat pencen yang kecil sahaja. Apa yang saya kata menjadi masalah ialah samada patut Kerajaan mengkaji satu persatu atau memberi satu across-the-board kenaikan kadar pencen sahaja, dan saya pun sedar bahawa ini memakan masa lambat sedikit untuk memberi keputusan yang muktamad, tetapi perkara ini akan diumumkan tidak berapa lama lagi.

Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik pun ada membuat beberapa tegoran atas perkhidmatan-perkhidmatan kakitangan Kerajaan. Kerajaan memang sedar bahawa ada satu golongan kakitangan Kerajaan yang tidak memberi perkhidmatan yang berkesan kepada rakyat khususnya dan kepada Kerajaan amnya, tetapi patut juga kita semua ingat bahawa ada juga kakitangan Kerajaan yang bekerja dengan bersungguh-sungguh dan ikhlasnya. Dan oleh kerana kakitangan-kakitangan Kerajaan sekarang ini sesudah terlampau banyak kerana aktiviti-aktiviti Kerajaan sudah meluas, maka apa yang menjadi masalah samada mencukupi kawalan di atas pekerja-pekerja khususnya pekerja-pekerja di dalam daerah-daerah dan pejabat-pejabat

yang lain. Saya sedar ini adalah satu kelemahan dalam Perkhidmatan Awam dan Kerajaan sentiasa mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memperbaiki. Tetapi perkara ini rumit juga oleh kerana ini perkara kemanusiaan juga dan saya sedar dalam Kementerian yang saya baru duduk selama enam hari di Kementerian itu saya sedar bahawa ada banyak perkara yang membangkit, Tadi pun apabila Dewan ini ditempohkan selama 15 minit ada beberapa orang Ahli Yang Berhormat Senator mengadu kepada saya tentang layanan yang tidak memuaskan yang telah diberikan kepada mereka, sahabat-sahabat mereka ataupun keluarga mereka.

Satu perkara yang saya sendiri sedar dan Kerajaan sedar, tetapi bagaimana cara kita hendak memperbaiki sistem ini ialah satu masaalah yang rumit. Saya harap bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat Senator-senator di Dewan yang mulia ini bolehlah berterusterang bercakap kepada kakitangan Kerajaan yang tidak memberi perkhidmatan yang memuaskan bahawa ini bukan satu cara bekerja ataupun satu perkhidmatan yang boleh memuaskan rakyat. Saya harapkan Ahli-ahli Yang Berhormat itu boleh menolong Kerajaan dalam hal ini supaya kita mendapati satu perkhidmatan awam yang boleh kita banggakan. Tegoran itu walaupun saya menerima, bagi pihak Perdana Menteri patut juga saya sebutkan di sini bahawa ada juga sebahagian besar daripada kakitangan Kerajaan yang bekerja dengan kuat dan bekerja bersungguh-sungguh untuk kebaikan masyarakat dan rakyat.

Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik telah membangkitkan perkara samada kita akan memberi satu pencen kepada pekerja-pekerja di pihak swasta. Barangkali Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa perkara inipun sudah dibangkitkan dahulu samada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja patut diubahsuaikan supaya wang yang disimpan dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja itu diberi kepada bekas-bekas caruman sebagai pencen ataupun sebagai ganjaran seperti sekarang ini. Ada pihak-pihak yang berkenaan dan juga pekerja-pekerja yang tidak berapa bersetuju tentang cadangan ini oleh kerana mereka berpendapat bahawa lebih baik dan lebih berfaedah

jika mereka dapat balik wang caruman itu dengan sekali gus (a lump sum), perkara ini boleh dikaji dan Kerajaan memang ada open mind.

Ada satu cadangan oleh Yang Berhormat Senator Haji Ibrahim bin Haji Yaacob mengenai pesara-pesara bekas perajurit British Army. Saya akan menyampaikan perkara ini kepada pihak yang berkenaan dalam Kerajaan supaya jikalau saya boleh mendapat maklumat-maklumat yang lebih lanjut lagi daripada Senator itu bolehlah kita berunding dengan pihak-pihak yang berkenaan dalam Kerajaan British samada mereka akan melayani permohonan seperti ini ataupun tidak.

Satu soalan lagi yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad ialah tentang kelambatan memproses pencen. Saya sedar bahawa kerap kali dalam Dewan yang mulia ini dan juga dalam Dewan Rakyat apabila saya diberi tugas untuk memberi jawapan tentang perkara pencen, saya telah mengakui bahawa ada kelambatan proses dan masa saya di Jabatan Perdana Menteri, saya sendiri telah memanggil beberapa mesyuarat bahagian-bahagian yang terlibat dalam perkara ini supaya mencepatkan proses ini oleh kerana bukan sahaja Bahagian Pencen yang terlibat dalam hal ini, ada juga Jabatan-jabatan lain dan agensi-agensi yang lain, misalnya, Jabatan Hasil Dalam Negeri, Kumpulanwang Simpanan Pekerja, Bahagian Perumahan di Perbendaharaan, supaya Kerajaan hendak menjamin bahawa pesara-pesara itu menjelaskan hutang-piutang kepada Kerajaan sebelum pencen itu dibayar.

Sebelum saya meninggalkan Jabatan Perdana Menteri, saya telah mengarahkan supaya proses ini dikaji semula dan Bahagian Pencen tidak akan bekerja sebagai satu Check-point lagi. Jikalau seorang kakitangan berhutang kepada Jabatan Hasil Negeri, Ketua Jabatan itu patut memberitahu Bahagian Pencen bahawa si Ahmad atau si Ah Chong ada berhutang kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri dan bukan Bahagian Pencen yang mengkaji perkara ini. Saya harap dengan tindakan seperti ini boleh kita mencepatkan proses Bahagian Pencen. Proses-proses juga sedang dikaji dan saya harap dengan tindakan yang sedang dijalankan dalam Bahagian Pencen itu bahawa kelambatan itu boleh dikurangkan, jikalau tidak boleh dihapuskan sama sekali.

Akhirnya, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong Bil ini dan kalau sekiranya saya tidak beri jawapan kepada butir-butir yang lain, saya sudah ambil nota dan akan menyampaikan perkara ini kepada Jabatan Perdana Menteri supaya tindakan selanjutnya boleh diambil.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, dapatkan kemurahan hati dari Yang Berhormat Menteri satu sahaja soalan saya yang tidak dijawab berhubung dengan persaraan kami Ahli-ahli Dewan Rakyat.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Menyentuh tentang hal itu, oleh kerana Rang Undang-undang ini ialah berkaitan dengan pencen pentadbiran awam dan bukan tertakluk kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat, Dewan Negara ataupun Dewan Undangan Negeri. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, syarat-syarat perkhidmatan Ahli-ahli Parlimen ialah di bawah Undang-undang (Saraan) Ahli-ahli Parlimen.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Untuk penjelasan. Mengikut Artikel 64 Perlembagaan—Saraan bagi Ahli-ahli—Parlimen hendaklah dengan Undang-undang membuat peruntukan bagi saraan ahli-ahli tiap-tiap satu Majlis Parlimen. Sepanjang yang saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, tak ada dibawa ke Parlimen, tiba-tiba kami terima sahaja pencen. Jadi saya rasa berlawanan dengan semangat Perlembagaan, sepatutnya dibentangkan di sini dahulu. Undang-undang itu, kita bahaskan berapa naik, berapa turun samada di Dewan atau di luar Dewan. Kalau mengikut semangat Perlembagaan ini saraan mereka ini mesti dibawa ke Parlimen; dibahaskan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara, tetapi bolehkah Yang Berhormat Menteri betulkan kalau saya silap?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, dukacitanya saya tidak ingat setakat ini samada Undang-undang itu telah dibawa dalam Dewan yang mulia ini, tetapi saya ada keyakinan bahawa Kerajaan mesti mengikut Perlembagaan dan harus telah dibawa dalam Dewan ini dahulu, tetapi perkara ini saya mesti kaji dahulu.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 11hb Januari, 1978.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.